


Jilid II
Bil. 48



MALAYSIA

Hari Rabu
10hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5001]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 5021]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 5021]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN MOHD. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Kiningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).

Yang Berhormat DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMSA SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 10hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

MEMBASMI KEMISKINAN

1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah kedua-dua istilah ini iaitu "membasmikan kemiskinan" dan "mengurangkan kemiskinan" sama maksudnya yang diucapkan oleh beliau berhubung dengan kemiskinan semasa beliau membentangkan usul mengenai Rancangan Malaysia Ketiga di Dewan Rakyat pada hari Isnin, 19hb Julai, 1976.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum adalah matlamat jangka panjang Dasar Ekonomi Baru. Oleh kerana kemiskinan mustahil dibasmikan dalam masa yang singkat maka usaha Kerajaan dalam rancangan-rancangan pembangunannya adalah ditujukan bagi mengurangkan kemiskinan secara berperingkat-peringkat hingga terbasmi langsung akhirnya.

KOMPOSISI KAKITANGAN KERAJAAN

2. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan angka-angka komposisi perkauman kakitangan di dalam Perkhidmatan Awam untuk sekumpulan seperti berikut:

- (a) Kumpulan Profesyenal dan Pengerusan;
- (b) Kumpulan Teknik dan Sub-Profesyenal;

(c) Kumpulan Kerani; dan

(d) Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar.

pada tahun 1970 dan 1976.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini tidak ada angka-angka yang cukup untuk menunjukkan keseluruhannya angka-angka komposisi kakitangan-kakitangan Kerajaan mengikut kaum. Seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kakitangan-kakitangan Kerajaan bukan sahaja terdapat bagi Kerajaan Persekutuan bahkan juga bagi Kerajaan-kerajaan Negeri-negeri masing-masing, dan adalah sukar untuk mengumpulkan angka-angka yang dikehendaki pada keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan ada mengeluarkan Buku Senarai Pegawai-pegawai Persekutuan, dan Ahli Yang Berhormat bolehlah menelitinya sendiri tentang Kumpulan Profesyenal dan Pengerusan.

RANCANGAN BUKU HIJAU

3. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan dengan jelasnya setakat mana Rancangan Buku Hijau telah dapat menambahkan pendapatan petani-petani sebagai satu langkah untuk menghapuskan kemiskinan dan bagi menambahkan hasil pertanian negara ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Buku Hijau Peringkat I yang telah dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada 20-12-74 itu adalah menekankan pertanian dan penternakan untuk keperluan sendiri. Seluas 67,710 ekar tanah telah dikerjakan di bawah rancangan ini dengan purata penyertaan 40%.

Pada 27hb Julai tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan pula Rancangan Buku Hijau Peringkat

Kedua yang berthemakan pertanian secara moden dan intensif untuk diperdagangkan. Kesan kejayaan rancangan ini dapat dilihat, sebagai contoh, pada hasil pengeluaran musim pertama di Kampung Kunluang, Kubang Pasu, Kedah, yang menjadi tapak pelancarannya. Tambahan pengeluaran sayur-sayuran ialah sebanyak 332 pikul, ikan air tawar sebanyak 67 pikul dan ternakan ayam sebanyak 1,872 ekor. Jumlah nilai hasil pengeluaran ini ialah lebih kurang \$20,117.

Dengan pelaksanaan Rancangan Buku Hijau, Rancangan Belia Peladang telah menjadi bertambah giat. Hingga akhir tahun 1975 misalnya, sebanyak 886 projek Belia Peladang yang melibatkan sebanyak lebih kurang 7,400 orang belia telah mengeluarkan hasil dengan nilai lebih kurang \$1.6 juta. Begitu juga hingga akhir tahun 1975, Jabatan Perikanan, misalnya, telah memperluaskan rancangan ternakan ikan air tawar yang meliputi lebih kurang 604 ekar kolam ikan dengan 496 projek dengan anggaran hasilnya sebanyak 6,000 pikul ikan air tawar. Nilai hasil ini tidak seharusnya diperhitungkan dari segi tambahan pendapatan sahaja tetapi juga dari segi kemudahan mendapatkan pemakanan berzat protin yang lebih murah kepada rakyat yang berpendapatan rendah.

Memandangkan kepada kejayaan yang diperolehi hingga hari ini, Kerajaan akan mempergiatkan lagi Rancangan Buku Hijau supaya meliputi semua daerah dalam masa 3 tahun.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri samada beliau sedar bahawa petani-petani yang ingin mengambil bahagian di dalam Rancangan Buku Hijau tidak berjaya mendapat tanah di peringkat negeri, dan jika beliau sedar, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan Buku Hijau ini ialah supaya petani-petani menggunakan tanah yang masih kosong untuk menambah pengeluaran sendiri. Jika mereka hendak mendapatkan tanah baru, itu terpulanglah kepada mereka untuk membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri.

PEGAWAI KERAJAAN YANG ENKGAR BERTUKAR

4. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai bilangan Pegawai Kerajaan yang diarahkan bertugas pada kawasan mundur telah mengengkarinya disebabkan kemudahan kehidupannya tidak terdapat di tempat tersebut, jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil, jika tidak sedar, mengapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya ketahui, tidak ada Pegawai-pegawai Kerajaan yang mengengkar perintah bertukar ataupun bertugas di kawasan luar bandar, ataupun di kawasan mundur seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Walau bagaimanapun, sekiranya boleh dipastikan ada berlaku kes-kes mengengkar perintah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Pihak Berkuasa Tata-tertib boleh mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya mengikut Perintah-perintah Am Kerajaan, Bab "D", terhadap Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa banyak daripada pegawai-pegawai muda memang sebenarnya kurang enak untuk bertugas di luar-luar bandar ataupun di tempat-tempat yang mundur, kerana di sana kebanyakannya tidak ada night club dan tidak ada tempat-tempat yang seronok-seronok. Maka banyak di antara mereka yang membuat beberapa ikhtiar untuk dipindahkan di tempat-tempat yang lebih istimewa seperti di Kuala Lumpur dan bandar-bandar yang besar. Apakah peranan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan pada masa hadapan atau masa yang lalu supaya mereka yang akan dihantar ataupun dihantar ke tempat-tempat yang mundur ini benar-benar bersemangat cintakan mahu memajukan di tempat itu dengan sesungguhnya?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, apabila seorang pegawai Kerajaan memasuki Perkhidmatan Awam, ia adalah dikenakan syarat-syarat dalam surat lantikannya supaya mereka sanggup bertugas di mana-mana pun dalam Negara Malaysia.

Mengenai semangat pegawai-pegawai, itu terpulanglah kepada ketua-ketua jabatan supaya membenarkan mereka bertugas di luar bandar.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Biasanya pegawai-pegawai ini mereka tidak melanggar peraturan seperti melanggar General Orders dan sebagainya. Tetapi apa yang telah berlaku mereka ini biasanya bekerja sambil lewa, kemudian mereka ini ditukarkan daripada tempat yang dahulu ke tempat yang lebih baik seperti di Kuala Lumpur. Ini yang mereka kehendaki. Katanya, kalau begini, anaknya mendapat sekolah yang lebih baik. Adakah Kerajaan mengambil tindakan apabila seorang pegawai tidak bekerja dengan baik di satu tempat yang diagak tempat itu ulu sedikit kemudian apabila dilaporkan akan penyelewengan mereka, mereka ini juga akan ditukarkan ke tempat yang sama juga ulunya, adakah Kerajaan bercadang mengambil tindakan seperti itu? Jikalau tidak, tukarkan mereka sahaja, itu tidak memberi makna yang baik.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu umum, oleh kerana ada beberapa Kementerian dan beberapa Jabatan-jabatan Kerajaan yang sukar saya memberi satu jawapan yang tertentu mengenai apakah tindakan yang boleh diambil terhadap kes-kes yang tertentu.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan didapati banyak pegawai-pegawai yang tidak berkehendakkan bekerja di hulu-hulu dan di tempat-tempat yang jauh, berapa ramaiakah mereka yang telah diambil tindakan tata-tertib kerana perkara-perkara ini mesti ada? Tetapi kalau tidak ada tindakan-tindakan itu maka semua pegawai-pegawai terlebih dahulu menemui di Kementerian atau di ibu-ibu pejabat. Berapa ramaiakah mereka yang telah dikenakan tindakan tata-tertib itu?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memanglah soalan seperti ini saya minta notis. Tetapi jikalau kita lihat dalam Perkhidmatan Kerajaan Malaysia sekarang ini tidak ada masaalah yang besar terjadi bahawa pegawai-pegawai tidak hendak bekerja di luar-luar bandar. Adalah menjadi kesukaran kemanusiaan misalnya jikalau seorang yang sudah berkahwin isterinya

bekerja di sini dan dia terpaksa dihantar ke satu bandar yang lain, masaalah seperti ini adalah timbul.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan sekali lagi. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa apa yang dimaksudkan tidak suka bertugas di luar-luar bandar atau di tempat yang mundur itu bukan bermakna mereka mengengkar perintah-perintah yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan-jabatan. Tetapi mereka berusaha untuk bertukar balik ke tempat yang maju.

Saya ingin menyebut satu perkara iaitu seperti di Kementerian Pelajaran sahaja di mana banyak guru-guru yang berkelulusan universiti kurang gemar untuk ditukarkan ke sekolah-sekolah menengah di Pantai Timur, misalnya di Trengganu, jika dibandingkan dengan Pantai Barat seperti di Johor. Kalau kita pergi ke sekolah menengah di Pantai Timur, kita dapati di antara 50 orang guru, paling banyak hanya 25 orang sahaja guru yang berkelulusan universiti. Tetapi kalau kita pergi di Pantai Barat, misalnya

Tuan Yang di-Pertua: Apa pertanyaan Yang Berhormat? Ini bersyarat nampaknya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! panjang khutbahnya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sebagai contoh di Johor biasanya kalau ada 50 orang guru, 40 orang yang berkelulusan universiti, sedangkan 10 orang guru yang tidak berkelulusan universiti. Jadi apakah usaha yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mereka diorientasi atau disesuaikan dengan keadaan luar bandar dan di tempat-tempat yang mundur supaya mereka gemar? Begitu maksud saya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan kemanusiaan. Usaha-usaha Kerajaan ialah supaya mendapatkan semangat pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam, mereka adalah diberi latihan misalnya di INTAN, dan mereka dihantar berkursus supaya berminat untuk bekerja di luar

bandar untuk bekerja supaya mereka dapat suasana pembangunan di kawasan luar bandar. Ini adalah kursus-kursus di INTAN.

PENYIBAR UGAMA SALAH

5. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan samada siasatan atau tindakan telah dilakukan ke atas "penyibar-penyibar" ugama salah di Negara ini dan adakah orang-orang atau rakyat negara ini yang pernah melakukan "ajaran ugama salah" dan bolehkan mereka ini didakwa di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, penyibar-penyibar ugama salah dalam sesebuah negeri boleh diambil tindakan oleh Majlis Ugama Islam Negeri masing-masing dan sesiapa yang disyaki bersalah bolehlah didakwa dan jika thabit kesalahannya mereka bolehlah dihukum oleh mahkamah syariah negeri masing-masing.

Pusat Penyelidikan Islam di Jabatan Perdana Menteri sedang menjalankan penyiasatan terhadap orang-orang yang menyebarkan ugama karut dan sekiranya didapati bukti-bukti yang sah perkara ini akan dilaporkan kepada Majlis-majlis Ugama Islam Negeri yang berkenaan untuk tindakan yang sewajarnya.

Bagi Wilayah Persekutuan sebuah Akta Perlembagaan (Pindaan) No. 2, 1973 yang dinamakan Perintah Wilayah Persekutuan "Penguahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak" (1974) yang mula berkuatkuasa pada 1hb Februari, 1974, memberi peruntukan mengenai ajaran salah ini di bawah seksyen 167.

Selain daripada itu, tindakan boleh juga diambil mengikut seksyen 8 dan seksyen 73 (1) (b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ke atas sesiapa yang menurut pendapat Kerajaan dan Menteri yang berkenaan melakukan sesuatu perbuatan yang boleh mendatangkan mudarat kepada keselamatan Negara.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, adakah pada pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa jika seorang itu mendakwah kepada orang-orang Islam supaya meninggalkan

terus kesempurnaan hidup di dunia, adakah ini ditafsirkan sebagai ajaran ugama yang salah? Jika ia, apakah tindakan segera yang patut diambil?

Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jawab tadi bahawa Badan Penyelidikan di Pusat Islam sedang membuat penyiasatan tentang istilah ugama salah dan pengajaran yang salah, dan kalau sekiranya didapati benar itu satu ajaran yang salah mengikut ajaran Islam yang sebenarnya, maka Pusat Islam atau Jabatan Perdana Menteri akan melapurkan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri masing-masing untuk diambil tindakan kerana itu adalah di bawah kekuasaan Jabatan Ugama Negeri masing-masing.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa soalan nombor 5 itu pada erti kata istilahnya bukan bermakna bahawa penyebaran ajaran ugama salah itu bermaksud hanya ugama Islam? Kalau sedar, apakah pula tindakan yang diambil kalau terlibat ugama yang bukan ugama Islam, misalnya, Christian, Hindu, Buddhist dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan kalau selain daripada ugama Islam?

Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tugas dan kewajipan kita ialah memelihara kesempurnaan dan kemuliaan ugama Islam seperti suatu tanggungjawab daripada Jabatan Perdana Menteri ini. Ada pun kalau didapati suatu kesalahan daripada ugama-ugama lain maka ugama-ugama itu sendiri mempunyai hak untuk membetulkan kesalahan itu. Dan kalau sekiranya tindakan orang yang melakukan kesalahan itu sampai kepada memecahkan keamanan negeri, serta mendatangkan mudharat kepada negeri ini maka dia akan diambil tindakan oleh undang-undang yang lain seperti Undang-undang yang berkaitan dengan Keselamatan Dalam Negeri. Maka dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam ataupun Jabatan Perdana Menteri mengenai soal ugama Islam ini ialah untuk memelihara supaya Islam yang menjadi ugama negara ini benar-benar terkawal dan tetap di atas asas yang benar dan tidak disalahkan.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa beliau masih menunggu lapuran daripada Jawatankuasa yang menaksirkan makna ajaran agama salah. Jadi, soalan saya meng-apakah mesti menunggu lapuran ini pada hal Tuhan sendiri telah mewajibkan hambaNya mencari kesempurnaan hidup di dunia dan juga di akhirat?

Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa agama Islam menyeru supaya kita mencapai kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat. Tetapi untuk menthabbitkan seseorang itu melakukan kesalahan dia memerlukan kepada suatu penyiasatan, terutama sekali Jabatan yang berkenaan di dalam negeri itu sendiri di mana setiap buah negeri ada mempunyai Jabatan Hal Ehwal agama Islam. Dan mereka itulah yang bertanggung-jawab bagi menentukan bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan konsep Islam yang sebenarnya. Kalau sekiranya mereka tidak mempunyai kakitangan yang cukup, maka Jabatan Perdana Menteri di dalam Hal Ehwal Agama ini akan memberikan pertolongan kepada negeri itu dengan Badan Penyelidikannya dan kalau didapati bahawa benar ada, maka Badan Penyiasatan ini akan memberikan pertolongan melapurkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri itu masing-masing untuk mengambil tindakan.

WAKTU BEKERJA BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan, apakah tindakan Kerajaan terhadap Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan Ketua-ketua Jabatan serta Kementerian yang datang lewat ke pejabat kerana bermain golf pada pagi hari dan balik cepat sebelum jam 4.00 petang.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, waktu-waktu bekerja bagi Pegawai-pegawai Kerajaan ada ditentukan di dalam arahan-arahan dan peraturan-peraturan perkhidmatan dan tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka yang tidak mematuhi. Arahan-arahan ini adalah juga dikenakan kepada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan. Oleh

kerana terdapat beberapa macam tindakan atau jenis tindakan tatatertib ini, saya duka-cita memaklumkan bahawa tidaklah mungkin bagi saya menjawab untuk mengulasnya satu persatu. Lainlah jika Ahli Yang Berhormat ada teringat kepada satu-satu kes yang tertentu.

GERAKAN PEMBAHARUAN

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana Gerakan Pembaharuan yang dilancarkan oleh Kerajaan benar-benar berjaya. Apakah kejayaan sehingga ini. Apakah penglibatan Ketua Kampung dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung dalam bidang ini mengikut yang dirancang benar-benar mendatangkan kesan yang memuaskan. Jika tidak apakah langkah baru bagi menggembelingkan semangat Gerakan Pembaharuan yang lebih berjaya pada masa hadapan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Gerakan Pembaharuan yang telah dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada 6hb Ogos, 1972 bertujuan memajukan masyarakat dalam aspek-aspek ekonomi, pendidikan, kesihatan, akhlak dan sikap.

Antara rancangan-rancangan yang dilaksanakan dalam Gerakan Pembaharuan ialah Rancangan Buku Hijau, Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan, kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak, Rancangan Desa Usaha, kelas-kelas Latihan Kerja (KEMAS), projek-projek gotong-royong dan lain-lain. Rancangan-rancangan dan projek-projek yang tersebut adalah dilaksanakan oleh berbagai-bagai Kementerian. Keseluruhan Rancangan Pembangunan Masyarakat atas nama Gerakan ini adalah diselaraskan oleh Bahagian Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Kejayaan yang telah dicapai adalah memuaskan walaupun rancangan ini masih boleh dipergiatkan lagi untuk melibatkan lebih banyak tenaga rakyat bagi maksud pembangunan masyarakat. Dalam Rancangan Buku Hijau misalnya rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan sedar akan potensi mengusahakan pertanian secara besar-besaran. Dalam peringkat pertama lebih kurang 68,000 ekar tanah telah diusahakan. Pada peringkat

kedua yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di sesuatu daerah seluas lebih kurang 12,000 ekar tanah sedang dirancangkan untuk pertanian secara perdagangan.

Dalam bidang pendidikan pula, Lembaga Perpaduan Negara mentadbirkan sebanyak lebih kurang 3,000 kelas Perpaduan Rakyat sementara pihak KEMAS menguruskan sebanyak 963 kelas bimbingan kanak-kanak. Dalam Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan, kadar kematian kanak-kanak telah berkurangan di kawasan-kawasan di mana rancangan tersebut telah dilaksanakan. Kerajaan telahpun memberi peruntukan \$10 juta untuk memperluaskan rancangan ini ke 40 daerah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Dalam mengendalikan projek-projek kemajuan luar bandar, di bawah Gerakan ini, Ketua Kampung sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (J.K.K.K.) memainkan peranan yang penting. Segala perancangan di bawah pembangunan luar bandar perlu diutarakan oleh J.K.K.K. kepada Kerajaan. Sehingga masa ini terdapat 2,800 J.K.K.K. yang telah ditubuhkan yang dianggotai oleh semua lapisan masyarakat. Dengan kerjasama rakyat dan kakitangan Kerajaan untuk mengadakan usaha berpadu, semua rancangan di bawah Gerakan ini akan lebih berjaya lagi.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Menteri yang berkenaan ada menerangkan betapa pentingnya peranan Ketua Kampung dalam Gerakan Pembaharuan ini. Saya ingin hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah Kerajaan sedar bahawa semenjak konsep Wilayah Persekutuan ini diutarakan di dalam negara kita kedudukan Ketua Kampung di dalam Wilayah Persekutuan ini boleh dikatakan tidak wujud lagi. Apakah rancangan Kerajaan atas masalah Ketua-ketua Kampung yang ada di dalam Wilayah Persekutuan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan Yang Berhormat itu tidak ada bersangkutan dengan soalan asal.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan betapa pentingnya peranan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan

Kampung sehingga pada masyarakat ramai mereka inilah yang penting dalam usaha pembaharuan. Oleh sebab itu, adakah Menteri yang berkenaan bercadang untuk menambah elauan mereka ini daripada \$84 setahun supaya dapat mereka menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna dan juga mengelakkan gelaran-gelaran seperti Jawatankuasa "Kuda Kayu" dan sebagainya dikeluarkan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan itu tetapi pada pendapat saya samada Pengerusi-nya berminat atau tidak berminat menjalankan tugas-tugas yang baik ini bukanlah semata-mata bergantung kepada elauan tetapi sebagai seorang Ketua Kampung patutlah mereka menjalankan tugas itu dengan sempurna juga.

AKTA SYARIKAT MEMINJAM 1969

8. Tuan Wee Ho Soon minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau bercadang hendak menaikkan peratus dalam Seksyen 19 Akta Syarikat Pinjaman, 1969 (Akta 6), untuk membolehkan syarikat-syarikat kewangan mempunyai lebih banyak wang untuk menolong berbagai-bagai projek sektor swasta.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedang menimbang untuk meminda peruntukan tertentu Akta Syarikat Meminjam, 1969, antara lainnya, termasuk soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Adalah sangat awal pada saat ini untuk mengumumkan butir-butir lanjut pindaan tersebut tetapi Ahli Yang Berhormat akan mengetahuinya apabila pindaan tersebut dibentangkan di Dewan ini tidak lama lagi.

HUKUMAN BUANG DAERAH

9. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan cara-cara dan tindakan yang diambil oleh Kementerian-nya sebelum hukuman buang daerah dijalankan dan samada beliau sedar bahawa buang daerah yang lazim dikenakan kepada penjenayah-penjenayah semakin mendatangkan masalah tempatan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa faktor adalah dipertimbangkan sebelum seseorang itu dikenakan hukuman perintah kediaman terhad. Antara faktor-faktor tersebut ialah kemungkinan subject mendapat pekerjaan di tempat baru, latar-belakang kawasan tersebut dari segi jenayah, umur, bangsa, jantina serta tanggungjawab subject berkenaan terhadap keluarganya. Di samping itu, subject dikenakan beberapa syarat seperti menjauhkan diri dari bercampur dengan lain-lain anasir jahat, menjauhkan diri dari memberi sebarang ucapan di khalayak ramai, tidak boleh meninggalkan kawasan sekatan tanpa kebenaran Polis serta tidak boleh berada di luar rumah dalam tempoh waktu yang ditetapkan.

Faktor-faktor ini adalah dipertimbangkan dengan teliti untuk memastikan bahawa subject tidak akan menimbulkan masalah tempatan apabila dihantar untuk menjalani perintah sekatan di tempat tersebut. Kementerian ini berpendapat tindakan ini tidak menimbulkan masalah tempatan oleh kerana pihak Polis sentiasa mengawasi mereka dan memberikan pertolongan dari segi pemulihan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan beberapa syarat supaya subject itu dapat pekerjaan di tempat yang hendak dibuang itu, latar-belakang dan sebagainya. Soalan saya ialah samada boleh ditimbangan oleh Menteri yang berkenaan agar dapat ditanya masyarakat tempatan samada boleh menerima subject itu atau tidak?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak ditanya yang pertamanya susah

Tuan Yang di-Pertua: Macam pilihan-rayalah ini.

Datuk Shariff Ahmad: Yang keduanya semua tidak mahu menerima tetapi kalau semua daerah tidak mahu terima, di manakah kita hendak taruh mereka itu?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan membuktikan

bahawa tiap-tiap buangan daerah menimbulkan masalah. Jika begitu cara-cara membuang daerah ini bolehkah Menteri yang berkenaan mengkaji semula supaya masalah ini dapat dikurangkan?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tidak bermakna tidak diterima, tetapi manusia ini bila ada stigma, orang jahat itu dia tidak mahu dekat. Bagi pihak Kementerian ini sentiasa memberikan pertolongan dan juga menasihatkan rakyat tempatan itu supaya tidak kecil hati atau tidak prejudice dengan mereka itu.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, di tempat saya ada dua orang buangan daerah iaitu di Cenor. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan adakah dengan adanya orang buangan dua orang ini bahawa kawasan saya itu dianggap kawasan tidak baik ataupun kawasan baik dan kemudian tempat ini adalah tempat yang begitu sukar mencari pekerjaan dan mereka ini terpaksa mencari makan dengan mengikut orang-orang kampung memburu babi, mencari ikan dan sebagainya? Jadi, mengapakah pihak Kerajaan meletakkan kedua-dua orang ini di tempat yang memang susah mencari pekerjaan?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan seluruh daerah kita hantar, tetapi barangkali sedikit-sebanyak kalau kita hantar tempat yang susah itu mereka juga akan insaf kemudian hari.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa satu sebab orang buangan daerah mendatangkan masalah tempatan ialah oleh kerana orang buangan tidak boleh dapat pekerjaan? Untuk mengelakkan keadaan di mana orang buangan terpaksa oleh keadaan kembali kepada tindakan-tindakan jenayah oleh kerana tidak ada kerja, bolehkah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau pihak Polis mengadakan satu sekim di mana apabila seorang dibuang daerah ke satu tempat, terdapat satu sekim untuk mencari pekerjaan untuk mereka oleh kerana apabila mereka ada kerja yang tetap tentulah mereka tidak akan menjadi bahaya atau masalah kepada daerah-daerah tertentu?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya banyak lagi perkara-perkara kalau kita dapati problem betul-betul susah dia ditukar ke tempat lain, dan sekim yang sebaik-baiknya ialah bagi kita ini semua termasuk Yang Berhormat itu menasihatkan mereka itu supaya balik ke pangkal jalan, lupakan perbuatan-perbuatannya yang lama itu dan bila sampai tempohnya boleh kita lepaskan.

PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN BUMIPUTRA

10. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Perumahan dan Kema-juan Perkampungan menyatakan, memandangkan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri beliau pada bulan Ogos tahun ini bahawa peluang yang luas akan diberi kepada pemaju-pemaju perumahan Bumiputra di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, berapa banyak syarikat Bumiputra telah diberi peluang untuk memaju rumah-rumah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kema-juan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, peringkat bilangan lesen yang dikeluarkan kepada golongan bumiputra adalah bergantung kepada minat dan bilangan permohonan yang dijalankan oleh mereka sendiri. Walau bagaimanapun, perkara itu sedang berkembang sekarang.

Mulai dari tahun 1970 sehingga bulan Oktober, 1976 lesen yang telah dikeluarkan untuk membolehkan golongan Bumiputra, samada secara persendirian, usahasama dengan badan-badan Kerajaan atau dengan kaum lain, menjadi pemaju-pemaju perumahan mengikut peruntukan Akta (Mengawal & Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 adalah seperti berikut:

Tahun-tahun lesen yang pertama dikeluarkan	Bilangan
1970	1
1971	1
1972	3
1973	8
1974	23
1975	32
1976 (sehingga Oktober)	32

PERTANIAN SAWAH PADI MODEN

11. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian menyatakan berhubung dengan Gagasan yang dinyatakan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri di Alor Setar baru-baru ini supaya diubah sistem pertanian sawah padi di kawasan perairan Muda sebagai suatu usaha memodenkan sistem pertanian rakyat, yang secara langsung akan meninggikan mutu pengeluaran bercorak perindustrian:

- adakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu Suruhanjaya bagi mengkaji keseluruhan sistem yang ada sekarang dan konsep yang disyorkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri itu untuk mempercepatkan lagi tempoh penyusunan masyarakat moden dan progresif;
- adakah Kerajaan bercadang hendak mengubah sistem kanun tanah negara yang boleh memudahkan penyusunan sawah kelompok; dan
- adakah Kerajaan bercadang menyusun dan memperbaiki fungsi MADA dan L.P.P. supaya secukup kerja-kerja dan rancangan mereka dengan syor Timbalan Perdana Menteri itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua,

- Tidak perlu ditubuhkan satu Suruhanjaya seperti yang disebutkan itu kerana perkara mempercepatkan lagi penyusunan masyarakat moden dan progresif sedang diuruskan oleh MADA;
- Tidak mesti sistem Kanun Tanah Negara diubah baru boleh dijalankan sawah kelompok. Pembangunan getah kelompok bagi pekebun-pekebun kecil telah beberapa lama berjalan baik tanpa mengubah sistem Kanun Tanah Negara.
- Tidak perlu disusun semula fungsinya kerana kerja-kerja yang dijalankan untuk meninggikan lagi daya pengeluaran dan pendapatan petani-petani padi tersebut adalah sedang berjalan baik, walaupun di sana sini ada terdapat beberapa masaalah perlaksanaan. Tetapi ini dapat diatasi dengan langkah-langkah ubah-suaian dan

langkah-langkah baru jika perlu. Langkah-langkah tersebut sentiasa diulang-kaji dari semasa ke semasa.

BANKER'S GUARANTEE MEMBAYAR CUKAI

12. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar pembayar-pembayar cukai jualan menghadapi kesusahan kerana arahan Penguasa Kanan Kastam (Cukai Jualan) yang menyatakan pembayar-pembayar cukai jualan harus mendapat "Banker's Guarantee" apabila mereka hendak membayar cukai mereka dengan menggunakan cek; jika ya, nyatakan samada beliau akan mengambil tindakan untuk membatalkan arahan tersebut.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja yang berkehendakkan "Banker's Guarantee" bagi pembayaran cukai jualan yang dibuat dengan menggunakan cek. Kehendak ini adalah sejajar dengan peraturan dalam seksyen 121 Arahan Perbendaharaan. Adalah menjadi tanggungjawab seseorang pegawai yang memungut hasil untuk menggunakan budi-bicaranya untuk menentukan samada "Banker's Guarantee" diperlukan atau tidak bagi pembayaran dengan cek. Pada masa-masa yang lampau telah menjadi beberapa kes di mana cek-cek yang dikeluarkan oleh seorang yang membayar cukai jualan itu telah ditolak oleh bank akan tetapi bilangan yang melakukan kesalahan adalah kecil; oleh itu adalah difikirkan menasabah mereka ini dikehendaki menjaminkan bayaran dengan "Banker's Guarantee". Kebanyakan pembayar-pembayar cukai yang mematuhi peraturan tidak diminta menyediakan "Banker's Guarantee".

PROJEK JOHOR TENGGARA

13. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(a) Berapakah luas projek Johor Tenggara dan meliputi kawasan yang mana dalam peta negeri Johor;

(b) Berapa banyak belanja yang telah digunakan setakat ini bagi projek itu dan berapa pula hasil yang telah didapati samada hasil dari kayu-kayu balak atau sebagainya;

(c) Setakat ini apakah kejayaan yang telah dicapai oleh rancangan Johor Tenggara ini samada dari segi pertanian, ternakan, pelancungan dan sebagainya; dan

(d) Sejauh mana pula kejayaan Bumiputra dalam rancangan ini termasuk kerja-kerja borong dan lain-lain lagi.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, luas kawasan Johor Tenggara ialah lebih kurang 750,000 ekar meliputi kesemua kawasan dalam lingkungan jalan Kota Tinggi/Kuala Sedili iaitu kesemua kawasan di Semenanjung Penggerang di sebelah timur Sungai Johor termasuk kawasan dalam lingkungan jalanraya Kluang/Jemaluang ke utara dan kawasan sebelah timur landasan keretapi Kluang/Simpang Renggam melalui Sungai Johor sampai ke Kota Tinggi.

(b) Perbelanjaan yang telah dikeluarkan sehingga hari ini oleh Kejora ialah lebih kurang \$45 juta. Mengenai hasil yang diperolehi sekarang adalah kecil sahaja oleh kerana projek ini hanya bermula sejak 1hb Jun, 1972.

Kejora hanya mengusahakan secara sendiri sebahagian daripada kawasan hutan cuci mangkok (kawasan sudah kerja) dan beberapa kawasan kecil hutan dara sahaja dan hasilnya yang diperolehi adalah sebanyak \$2.0 juta iaitu hasil yang diperolehi oleh Kejora selain daripada royalti yang dibayar kepada Kerajaan Negeri. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua hampir seluas 129,000 ekar tanah telah dimajukan di dalam kawasan Johor Tenggara yang mana pihak Kejora sendiri adalah memainkan peranan yang aktif. Di samping itu pihak FELDA, MARDI, MAJUTERNAK dan FIMA adalah sama-sama menjalankan projek-projek ini.

Kejora menjalankan projek-projek pertanian seperti kelapa sawit, ternakan lembu daging, ladang okid, ternakan ayam, ladang

lada hitam dan rempah-rumpai, leaf protein concentrate, ladang buah-buah. Dari segi pertanian sektor swasta juga mengambil peranan yang aktif termasuk di antaranya projek koko, projek menanam pokok pine dan juga projek menanam buah-buahan.

Dari segi pembangunan bandar pihak Kejora telah membuka dua buah bandar iaitu bandar Penawar di wilayah Penggerang dan bandar Tenggara di wilayah Johor Tengah. Di bandar Tenggara sehingga kini terdapat kira-kira 2,000 orang penduduk dan sebahagian besar daripadanya adalah pekerja-pekerja ladang Kejora sendiri. Mereka ini menikmati kemudahan-kemudahan bekalan api dan bekalan air. Pihak Kejora dan FELDA juga akan membangunkan sebuah bandar iaitu Bandar Emas di wilayah Penggerang. Dari segi penyediaan infrastucture jalan-jalan yang penting telah mula dibubuh tar dan adalah diharapkan jalan-jalan ini akan siap pada hujung tahun ini.

Dari segi pembalakan pihak Kejora adalah sebagai rakan usaha bersama dalam Syarikat Sendor yang mengusahakan kawasan balak di Johor Tenggara dengan pihak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor.

Di samping itu Kejora juga mengusahakan secara bersendirian sebahagian daripada kawasan hutan yang sudah dikerjakan dan beberapa kawasan kecil hutan dara.

Dari segi pelancungan pihak Kejora adalah sedang membangunkan dengan pesatnya Pusat Pelawat Kemudahan Harian yang mengandungi di antaranya restoran yang bertemakan reka-bentuk Minangkabau yang mana boleh memuatkan seramai 500 orang; 20 buah chalet, pusat bilik salin mandi dan gerai-gerai. Adalah dijangka pusat ini akan dibuka selaras dengan siapnya lebuh raya Penggerang ditambah. Sejak tertubuhnya Kejora pada Jun, 1972 di bawah Akta 75/1972 dan Bil. 7/1972 Enakmen Kerajaan Negeri terdapat sebanyak 12,000 pekerjaan telah diwujudkan di kawasan Johor Tenggara terkandung di dalamnya pekerjaan-pekerjaan

tetap dan sambilan. Jumlah nilai kontrek yang telah dikeluarkan kepada pemborong-pemborong bumiputra oleh pihak Kejora sehingga kini ialah sebanyak \$12,392,006 iaitu merupakan 40.3% daripada nilai kontrek.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Daripada jumlah perbelanjaan \$45 juta tadi, berapa banyakkah jumlah yang dibayar kepada consultant sahaja. Dan adakah consultant ini consultant daripada luar negeri ataupun dalam negeri?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya saya tidak ada angka-angka untuk memastikan berapa banyakkah perbelanjaan yang telah dibayarkan kepada consultant. Oleh itu, saya minta notis.

PENAGIH DADAH

14. Datuk Albert Mah minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada beliau akan mengadakan sesuatu undang-undang mewajibkan semua penagih-penagih dadah menerima rawatan. Juga samada sesuatu operasi besar-besaran akan diadakan untuk mencari dan mengenali semua penagih-penagih dadah di dalam Malaysia untuk di daftar dan diberi rawatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick anek Uren): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1975 Ordinan Dadah Merbahaya 1952 telahpun dipinda dengan di antara lain menyediakan peruntukan bagi membolehkan Pegawai Kebajikan Masyarakat, Pegawai Biro Narkotik atau Pegawai Polis berpangkat tinggi dan Inspektor ke atas menghantar penagih-penagih dadah untuk diperiksa oleh doktor Kerajaan dan seterusnya diberi rawatan dan pemulihan.

Kini adalah difikirkan tidak perlu mengadakan sesuatu operasi besar-besaran untuk mencari dan mengenali semua penagih-penagih dadah bagi didaftar dan diberi rawatan kerana tanpa operasi pun sudah ramai penagih-penagih yang datang secara sukarela untuk menerima rawatan dan pemulihan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (9hb November, 1966).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976 adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut (9hb November, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Grik menyambungkan ucapan beliau.

3.18 ptg.

Tuan Shamsuddin bin Din (Grik): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung ucapan saya daripada petang semalam maka di sini saya menyatakan bahawa apa yang perlu pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada pandangan saya untuk mengatasi masalah sebagaimana telah saya katakan petang semalam iaitu masalah jenayah yang kecil-kecil di dalam bandar, seumpama, jenayah rompak, samun, perasugut, curi, pecah cermin kereta untuk mencuri cassette dan radio. Maka untuk mengatasi masalah-masalah ini saya rasa adalah perlu bagi pihak Kementerian berkenaan menugaskan sekurang-kurang dua orang anggota pasukan

keselamatan ataupun Polis bagi tiap-tiap lorong. Apa yang kita ada pada hari ini, saya difahamkan cuma kita mengadakan pada tiap-tiap sektor, mengadakan sektor ataupun kawasan untuk beat dan kawasan ini boleh dikatakan kawasan yang besar. Jadi, kalau dua tiga orang yang ditugaskan untuk menjaga satu-satu sektor itu maka ini adalah satu perkara yang menyusahkan anggota pasukan polis itu sendiri kerana tidak dapat mengawal. Perkara ini juga patut pihak Kementerian sama-sama membaiki untuk menambahkan anggota-anggota pasukan keselamatan untuk bertugas di situ untuk mengatasi masalah-masalah ini. Apa yang saya katakan di sini, bukanlah bermakna di bandar Kuala Lumpur sahaja bahkan kalau boleh keseluruhan bandar, kerana kita tahu peruntukan dalam masalah keselamatan ini adalah lebih dan pihak Kementerian juga akan menambahkan anggota-anggota pasukan keselamatan dari satu masa ke satu masa. Apakah salahnya anggota-anggota ini ditugaskan dengan secara tidak kurang daripada dua orang bagi satu-satu lorong dengan tidak menggunakan uniform, iaitu pakaian biasa—atau pakaian preman membuat rondaan ataupun menjalankan tugas di lorong-lorong itu dengan pakaian biasa? Ini boleh mengatasi masalah-masalah sebagaimana yang saya katakan itu.

Selain daripada itu, saya suka juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga yang telahpun memberi jaminan akan mengadakan satu bangunan Pejabat Imigresen di Keroh, tetapi malangnya, sehingga hari ini perkara itu belum dapat dijalankan lagi, bahkan baharu di dalam penyiasatan. Apa yang perlu kepada Pejabat Imigresen di Keroh ini ialah untuk mengatasi masalah-masalah penyeludupan. Sebagaimana yang kita tahu, penyeludupan adalah berlaku di kawasan-kawasan sempadan; di kawasan sempadan di negeri lain saya tidak dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, cuma apa yang saya tahu di dalam kawasan saya ialah di Keroh. Kalau pihak Kementerian dapat sekurang-kurangnya mengadakan pejabat imigresen dan pejabat kastam, pejabat polis bagi sempadan yang berada di antara Keroh dengan Betong, Perak dengan Thailand, maka pada tempat yang hendak dibina itu biarlah suku batu ataupun setengah batu daripada sempadan, jadi bermakna tidak di tempat sekarang. Kalau di tempat sekarang, jauhnya

dua batu daripada sempadan. Apa yang dikehendaki biarlah tempat itu dibuat sejauh suku ataupun setengah batu daripada sempadan, kerana kalau dapat ditempatkan pejabat imigresen dan pejabat kastam ditempatkan suku batu daripada sempadan kemungkinan kurangnya penyeludupan, tetapi dalam masalah penyeludupan ini, saya pun tidak berani memberi jaminan bahawa akan hapus sama sekali, cuma kita boleh mengurangkan masalah penyeludupan.

Dalam masalah penyeludupan ini saya juga berharap, terutamanya kepada Kementerian Kewangan daripada Jabatan Kastam supaya menjalankan satu-satu tindakan itu dengan tegas. Kerana apa yang saya tahu, ketua-ketua jabatan yang ada di dalam daerah kecil Keroh di sempadan setengah-setengah perkara tidak dapat kata sepakat dan setengah-setengah perkara tidak dapat penyesuaian pentadbiran, boleh jadi bercanggah dan bolehlah dikatakan tidak dapat kerjasama di antara jabatan-jabatan itu. Saya boleh bawa satu contoh tetapi tidaklah dengan secara detail iaitu pada tahun 1975 kita ucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kastam yang telah pun bersusah-payah bertugas untuk menghapuskan dan menangkap penyeludup dan merampas kerbau-lembu yang diseludupkan, tetapi malangnya ada di antara kerbau-kerbau yang benar-benar kerbau tempatan telah juga dimasukkan di dalam istilah seludup dan ditangkap pada tahun 1975 ada dilelong pada tahun 1976. Baharu-baharu ini dalam dua bulan yang lalu manakala pihak askar yang bertugas di kawasan sempadan telah menembak dua orang yang menyeludup kerbau dan lembu tetapi orang itu tidak parah dan telah diserahkan kepada pihak polis, pihak polis telah menerima orang itu dan kerbau dan lembu itu ditarik masuk ke dalam pagar kawasan kastam. Bila sampai tentang tindakan, pihak kastam pula tidak berani mengambil tindakan merampas kerbau itu dan pihak polis juga tidak mahu menyerahkan orang itu untuk didakwa oleh pihak kastam. Perkara ini telah menimbulkan satu masalah yang akhirnya orang yang kena tembak itu setelah dirawat telah dibawa balik ke Siam dan kerbau dan lembu yang ditahan di pejabat kastam itu pun diserahkan balik ke negara Thai.

Dalam masalah imigresen pula, pegawai imigresen tidak berani membuat dakwaan mengatakan orang itu masuk dalam Malaysia

dengan sebab orang itu tidak lalu ikut pejabat imigresen. Jadi dalam masalah ini, kalau kita perhatikan dari jauh; saya tidak tahu masalah dalam, jadi kalau kita perhatikan dari jauh adalah ketua-ketua jabatan ini tidak ada penyelarasan, tidak dapat satu kata sepakat untuk menjalankan pentadbiran bagi daerah kecil Keroh. Kalaulah dalam daerah kecil Keroh satu daerah yang terpencil, satu daerah dianggap sensitif tidak dapat kata sepakat di antara pegawai-pegawai tentera, pegawai polis, pegawai imigresen, pegawai kastam dan pegawai daerah, bagaimanakah hendak mentadbirkan satu-satu daerah yang kecil itu. Ini masalah-masalah yang timbul dalam daerah Keroh untuk mendapat perhatian pada Kementerian yang berkenaan.

Perkara yang ketiga, saya suka juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang bersangkutan dengan penangkapan dadah yang mana kita tahu dengan lulusnya Undang-undang Menyalahgunaan Dadah yang membawa kepada hukuman mati dan beberapa orang telah dihukum, maka di atas ketegasan Kementerian ini pihak rakyat di luar-luar bandar telahpun menyatakan cukup menghargai di atas tindakan-tindakan yang telahpun dijalankan. Dan di atas ketegasan inilah yang membawa kekuatan semangat kepada rakyat yang ada di luar bandar bagi menghadapi masalah-masalah ini daripada satu masa ke satu masa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya ingin juga menyentuh sedikit berkenaan dengan perancang keluarga. Pada pendapat saya, saya bersetuju dengan perkhidmatan perancang keluarga yang berjalan pada hari ini, tetapi perkhidmatan perancang keluarga ini hendaklah diberi penerangan dengan sejelas-jelasnya kepada rakyat yang berada di luar bandar. Apa yang saya dapat tahu, saya tidak berani mengatakan dengan hukuman di dalam ugama, tetapi saya berpendapat dengan secara pendapat saya sendiri kalau mengikut apa pendapat-pendapat orang-orang di luar bandar mengatakan bila sebut perancang keluarga terbayang di kepala mereka itu ialah tidak mahu anak, tetapi yang sebenarnya kalau mengikuti kepada keadaan-keadaan yang dikehendaki oleh perkhidmatan perancang,

keluarga sendiri adalah berlainan sebagai-mana yang dibayangkan oleh orang-orang kampung pada hari ini. Di dalam masaalah ini, perancang keluarga ialah untuk merancang bagi kedudukan dan kehidupan sesuatu keluarga di masa yang akan datang, tetapi sebaliknya perancang keluarga ini telah disalahgunakan ataupun disalahertikan oleh orang-orang kampung dan telah disalahgunakan oleh muda-mudi yang liar. Jadi apakah salahnya Kementerian ini kalau boleh mengadakan Akta Dadah Berbahaya, kita adakan pula Akta Perancang Keluarga, siapa yang menyalahgunakan perancang keluarga ini boleh dihukum. Ini saya rasa patut kita kaji semula, kerana ini adalah menyalahgunakan untuk satu-satu tujuan, menyalahgunakan perancang keluarga untuk kelazatan misalannya, tetapi di sini tidak usahlah saya bercakap panjang dalam masaalah ini. Saya mintalah Kementerian yang berkenaan mengkaji semula kalau patut diadakan Akta Menyalahgunakan Perancang Keluarga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bercakap panjang-panjang mengenai merancang keluarga tidak apalah.

Tuan Shamsuddin bin Din: Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya mengucapkan terima kasih.

3.34 ptg.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Parit Buntar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyertai rakan-rakan yang terdahulu berucap menyokong Rang Belanjawan bagi tahun 1977 yang masih dibahas oleh Dewan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan keseluruhan pendapat rakyat menyatakan terima kasih, berasa bangga dan berpuas hati dengan Belanjawan tahun 1977 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Dewan yang mulia ini pada 29hb Oktober, 1976 yang lalu. Rakyat berterima kasih kerana inilah kali pertamanya mereka dapat mengikuti Ucapan Belanjawan yang dibentangkan di dalam Dewan ini dengan siaran terus-menerus melalui petipeti TV dan radio-radio mereka di rumah-rumah. Rakyat berasa bangga kerana inilah kali pertama dalam sejarah Malaysia seorang Menteri Kewangan berucap membentangkan Ucapan Belanjawannya dengan menggunakan Bahasa Malaysia 100%. Rakyat berpuas

hati kerana Belanjawan yang dibentangkan ini tidak membebankan mereka malah peruntukan-peruntukan yang berlipatganda disediakan oleh Kerajaan untuk memperbaiki lagi kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kenaikan cukai atau bayaran-bayaran lesen saya rasa ada sejenis bayaran lesen yang selama ini tidak pernah disentuh langsung kenaikannya oleh Kerajaan iaitu bayaran lesen memiliki senjapati. Saya sukalah mengesyorkan kepada Kerajaan supaya lesen memiliki senjapati ini dikaji semula dan dinaikkan dua kali ganda daripada yang ada sekarang ini. Dan untuk mengelakkan orang-orang berpendapatan rendah yang ada memiliki sejatapi menerima beban ini maka peraturan-peraturan boleh dibuat. Umpamanya kepada mereka yang memiliki senjapati kerana tujuan menjaga musuh tanaman, kepada pemilik yang mempunyai tanah 20 ekar ke bawah bolehlah dikurangkan sedikit bayarannya tetapi kepada mereka yang memiliki tanah lebih daripada 20 ekar yang memiliki senjapati dengan tujuan menjaga diri, memburu dan tujuan sukan bayaran yang tinggi hendaklah dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran lesen yang agak tinggi dikenakan kepada pemilik-pemilik senjapati ini adalah mustahak kerana kerap kali kita dengar oleh kecuai-kecuai pemilik-pemilik senjapati itu maka senjapati-senjapati mereka itu hilang dan terlepas ke tangan golongan-golongan jahat dan mungkin dengan dikenakan bayaran lesen yang agak tinggi barangkali akan sentiasa menyedarkan mereka betapa mustahaknya senjata yang mereka miliki itu dijaga dengan rapi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan ekonomi bumiputra apa yang saya nampak satu daripada usaha yang paling berkesan dan mendapat faedah yang menyeluruh ialah melalui koperasi. Gerakan koperasi telah terbukti dapat mengumpul modal dengan cepat dan oleh keyakinan inilah Kerajaan telah melahirkan beberapa jenis gerakan koperasi di negara kita ini. Kita ada koperasi peladang, koperasi nelayan, koperasi sekolah dan berbagai koperasi lagi. Saya berterima kasih di atas perhatian berat yang diberi oleh Kerajaan dalam memajukan gerakan koperasi di negara kita ini. Dalam pada itu saya berharap dan menggesa pihak Kerajaan supaya peruntukan-peruntukan khas yang lebih

besar hendaklah diberikan kepada koperasi-koperasi tersebut supaya koperasi-koperasi itu benar-benar dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berhubung dengan gerakan koperasi di sekolah-sekolah. Dari pengalaman saya menjadi penaux kepada sebuah koperasi sekolah di kawasan saya dan sambil mengikuti sedikit-sebanyak kegiatan-kegiatan Koperasi Nasional Sekolah Berhad dari satu masa ke satu masa, sesungguhnya pada keseluruhannya menyakinkan saya bahawa gerakan ini adalah sangat baik dan akan berjaya ke arah pengumpulan modal latihan perniagaan dan pengurusan, amalan hidup berdemokrasi, melahirkan masyarakat adil dan seterusnya mengurangkan jurang ekonomi jika sekiranya koperasi sekolah dan koperasi nasional sekolah berjaya dalam kegiatannya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum koperasi sekolah mula diperkenalkan dalam tahun 1969 maka peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pertanian dan Kemeterian Pelajaran seharusnya dipuji dan dihargai. Walaupun demikian, pihak Kerajaan seharusnya mengambil perhatian yang lebih berat lagi kepada koperasi sekolah dan koperasi nasional sekolah bagi masa-masa akan datang supaya gerakan ini betul-betul dapat mencapai matlamatnya memberi perkhidmatan dan mengurangkan kos perbelanjaan persekolahan dengan menjual barang-barang keperluan pelajar dengan harga yang lebih murah. Selain daripada itu dapat melatih pelajar-pelajar mengamalkan prinsip Rukunegara secara praktikal melalui hidup berdemokrasi dalam koperasi di sekolah masing-masing dan koperasi sekolah juga adalah mampu menolong mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini koperasi sekolah telah ditubuhkan lebih 200 buah sekolah di seluruh negara dan dari penyata yang dilihat pada akhir tahun 1975, seramai 22,860 pelajar telah menjadi ahli dengan modal sebanyak \$95,000 telah di-kumpul. Angka ini sekarang tentu telah bertambah lebih banyak lagi jumlahnya dan dari jumlah ini meyakinkan kita bahawa perkumpulan modal dari persekolahan boleh berjaya seandainya Kerajaan mengambil perhatian yang wajar pada Koperasi Sekolah dan Koperasi Nasional Sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, menurut apa yang saya ketahui Koperasi Nasional Sekolah telah menjalankan kegiatan perniagaannya tanpa bantuan dari Kerajaan dari segi kewangan tetapi perniagaannya telah mencapai setengah juta ringgit pada tahun 1975 dan dijangka \$1.5 juta pada tahun 1976 dengan menjual barang-barang keperluan pelajar-pelajar dan sekolah dengan harga yang lebih murah dari pihak swasta. Dengan kelahiran Koperasi Nasional Sekolah dalam bidang perniagaan satu kejayaan yang besar telah dicapai iaitu tindakan menurunkan harga barang-barang keperluan pelajar dan sekolah seperti buku tulis, kertas dan sebagainya oleh pihak swasta. Tindakan swasta ini pada hemat saya semata-mata untuk melemahkan Koperasi Nasional Sekolah dengan cara memotong harga Koperasi Nasional Sekolah. Ini adalah merumitkan pihak Koperasi Nasional Sekolah dengan masalah harga dan kekurangan modal. Dalam masalah ini pihak Kerajaan adalah diharapkan dapat membantu dari segi modal dengan cara memberi peruntukan kewangan kepada Koperasi Nasional Sekolah. Dengan itu dapatlah Koperasi Nasional Sekolah bertanding dengan pihak swasta dan mengekalkan harga barang keperluan pelajar dan sekolah tetap di paras yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pengawasan dan kemuliaan Koperasi Sekolah adalah di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi melalui pegawai-pegawainya. Segala arahan dan perintah pegawai Jabatan Pembangunan Koperasi ini kemungkinan tidak diambil peduli oleh guru-guru yang mengawasi Koperasi Sekolah kerana arahan itu datangnya dari pegawai yang bukan dari Jabatan yang mengawasi perjawatannya. Oleh itu, sewajarnya Kerajaan mewujudkan satu jawatan baru di Jabatan Pelajaran Negeri bertaraf Pengelola atau Penolong Pengelola yang dipilih dari kalangan guru-guru yang berpengalaman dari kalangan koperasi dan telah menunjukkan minat dan didikasi di dalam lapangan ini. Pegawai-pegawai ini diberi tugas mengelola dan menyelia koperasi-koperasi peringkat sekolah-sekolah.

Selain daripada itu menyelaras kegiatan-kegiatan Koperasi Sekolah di antara Jabatan Pembangunan Koperasi dan Jabatan Pelajaran Negeri serta dengan Koperasi Nasional Sekolah. Mewujudkan satu jawatan ini pada tiap-tiap negeri pada hemat saya tidaklah

membebaskan Kerajaan memandangkan betapa luasnya bidang gerakan koperasi ini dan hasil yang akan diperolehi jika semua sekolah-sekolah di negara kita ini mempunyai Koperasi Sekolah dan kesan yang akan tersemat di dalam jiwa pelajar-pelajar bila mereka keluar daripada sekolah kelak. Kanak-kanak hari ini akan dewasa dan akan memainkan peranan penting dalam jangka waktu sepuluh atau lima belas tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin pentadbiran dan pengurusan Koperasi Sekolah berjalan dengan lebih licin dan teratur guru-guru koperasi seharusnya diberi latihan yang lebih berkesan. Saya difahamkan kursus-kursus ringkas yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi kebanyakan guru yang mengikutinya menyatakan terlalu terhad dan terlalu pendek masanya. Oleh yang demikian, satu peruntukan bagi sekim latihan guru-guru koperasi patutlah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, lebih setengah abad gerakan koperasi diperkenalkan di negara kita ini tetapi belum mencapai matlamat yang dikehendaki. Ini mungkin disebabkan ahli-ahli koperasi tidak dilengkapi dengan pengetahuan koperasi. Oleh itu, Kerajaan patutlah menimbangkan supaya pelajaran koperasi diajarkan di sekolah-sekolah melalui pelajaran sivik. Di institusi pelajaran tinggi diajar hingga ke peringkat diploma dan ijazah. Di samping itu dijadikan mata pelajaran khas di maktab-maktab perguruan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya dalam menyokong Rang Undang-undang Belanjawan ini dan diucapkan terima kasih.

3.45 ptg.

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan Belanjawan yang telah disampaikan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Pada keseluruhannya saya rasa Belanjawan itu telah diterima dengan baik oleh sebahagian besar daripada rakyat di luar bandar dan juga di dalam bandar.

Pada pendapat saya Belanjawan tersebut akan menghasilkan banyak menfaat kepada kita semua dengan cara tidak langsung (i.e. direct). Di dalam konteks inilah saya ingin

memberi sokongan saya kepada Belanjawan tersebut dan di samping itu merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri Kewangan kita lebih-lebih lagi ini adalah ucapan Belanjawan beliau pada julung kalinya.

Strategi Belanjawan untuk tahun 1977 adalah dialu-alukan juga iaitu pertama untuk memperkukuhkan pemulihan ekonomi dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Kedua, mengekalkan kestabilan harga dan ketiga mempercepatkan pencapaian matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga di dalam konteks keselamatan negara. Ketiga-tiga strategi tersebut adalah padat dan sangatlah sesuai dengan keadaan ekonomi pada masa ini. Namun demikian, saya suka mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya sentiasa berhati-hati dan meneliti pergolakan ekonomi di dalam dan juga di luar negara kerana mungkin terjadi suatu keadaan yang mana satu daripada strategi tersebut mungkin bertentangan dengan strategi yang lain.

Misalnya, kalau berlaku inflasi di dalam negara ini strategi anti-inflasi kita tentu akan menekan perkembangan ekonomi iaitu strategi kedua kita untuk mengekalkan kestabilan harga akan bercanggah dengan strategi pertama kita untuk memperkukuhkan pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah seorang pakar ekonomi, Kerajaan mempunyai banyak pakar ekonomi yang bijak dan berpengalaman. Saya hanya bangkitkan perkara ini untuk membuat satu syor kepada Kerajaan supaya mengawasi dengan teliti sebarang pergolakan dalam ekonomi kita kalau dikawal dengan rapi pada lebih awal lagi dan sekiranya sebarang keadaan ekonomi yang tidak baik berlaku kita boleh mengubah-suaikan strategi kita untuk mencegah keadaan yang tidak baik itu sebelum ia menjadi serious.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita di dalam Dewan ini sedang membahas ucapan Belanjawan 1977 akan tetapi kita harus jangan lupa bahawa ketiga-tiga strategi Belanjawan yang saya telah sebutkan tadi adalah strategi jangka pendek kita di dalam konteks strategi ekonomi jangka panjang kita iaitu Dasar Ekonomi Baru. Saya rasa dalam membentuk strategi Belanjawan kita bukan sahaja untuk tahun 1977 bahkan juga untuk tahun-tahun yang akan datang bahawa yang patut menjadi perhitungan dan pendoman

kepada kita ialah matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru kita. Ke arah inilah patut kita mensesuaikan strategi Belanjawan kita pada tiap-tiap tahun yang akan datang supaya segala matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai dalam jangka masa yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka membuat sedikit komen terhadap ucapan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang telah berucap pada petang semalam dan di dalam ucapan beliau telah menuduh bahawa Dasar Ekonomi Baru kita adalah satu dasar perkauman yang dibentuk selepas peristiwa 13 Mei. Sebenarnya, Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar yang bertujuan untuk memupuk perpaduan yang erat di antara rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Perpaduan yang erat tidak boleh dipupuk sehingga tiap-tiap kaum di negara ini mendapat kedudukan ekonomi dan sosial yang adil dan saksama. Dasar Ekonomi Baru kita mengambil kira kepentingan semua kaum di dalam negara kita dan ialah dasar yang adil dan yang tidak menyebelahi satu kaum dan mengenepikan kaum-kaum yang lain. Dalilnya Dasar Ekonomi Baru kita ini adalah adil ialah penerimaannya oleh golongan majoriti di dalam negara ini dan ini telah dibuktikan dengan kemenangan yang cemerlang dalam Pilihanraya Umum pada tahun 1974 oleh Parti Barisan Nasional yang memperjuangkan Dasar Ekonomi Baru. Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, adalah tidak benar sama sekali bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar perkauman (chauvinistic). Mungkin yang chauvinistic ialah Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan bahawa jumlah yang besar sebanyak \$4,694 juta akan diuntukkan bagi Belanja Pembangunan pada tahun 1977. Jumlah ini adalah 41% lebih banyak daripada jumlah \$3,317 juta yang telah ditetapkan untuk Belanja Pembangunan bagi tahun 1976. Kenaikan peruntukan untuk Pembangunan sebanyak 41% untuk tahun 1977 dibanding dengan Jumlah untuk 1976 adalah dialu-alukan. Akan tetapi, berapa banyakkah daripada jumlah yang besar ini sebenarnya akan dapat dijelaskan? Saya ingin merojok Dewan ini kepada muka 46 perenggan 3 dalam Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan yang telah menyatakan bahawa daripada jumlah sebanyak \$3,317 juta yang telah diperuntukkan bagi tahun 1976 untuk belanja

Pembangunan kira-kira \$2,400 juta sahaja yang dijangka akan dapat dibelanjakan iaitu 75% sahaja daripada jumlah yang diuntukkan untuk Belanja Pembangunan pada tahun 1976. Jumlah yang besar sebanyak \$917 juta tidak akan dapat dijelaskan. Jadi soal yang mesti timbul ialah apakah sebab-sebabnya peruntukan Pembangunan yang begitu besar tidak dapat dijelaskan dengan sepenuhnya? Pada hemat saya ada daripadanya disebabkan wang Pembangunan telah ditetapkan untuk sesuatu projek akan tetapi projek studynya tidak dapat disiapkan lagi dan ada daripadanya disebabkan pelaksanaan projek-projek tertentu terpaksa dilambatkan. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh membuat satu kesimpulan dalam masaalah ini. Kesimpulan itu ialah jentera pelaksanaan kita belum lagi disesuaikan dengan pembangunan yang pesat yang dikehendaki oleh sektor awam, iaitu dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diizinkan.

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: *(Dengan izin)* Our implementation machinery is not yet fully geared to the higher development investment that is expected of the public sector.

Saya harap pihak Kerajaan dapat mengkaji perkara ini dengan mendalam kerana kalau hanya kita tambah wang pembangunan sebanyak 41% akan tetapi jentera pelaksanaan kita tidak bergerak dengan kadar 41% juga lebih cepat lagi maka pada tahun yang akan datang perkara yang serupa ini akan berlaku juga.

Dalam konteks ini saya harap Kerajaan akan memberi priority dan masa yang penuh supaya menyesuaikan jentera pelaksanaan kita dengan kadar pembangunan yang tinggi yang dikehendaki oleh sektor awam di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berkenaan strategi Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan yang menjadi barisan hadapan dalam usaha-usaha kita hendak mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi kita. Pada hemat saya strategi yang patut dijalankan oleh Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan boleh dibahagikan kepada dua

peringkat. Pada peringkat yang pertama agensi-agensi tersebut hendaklah mengujudkan perniagaan-perniagaan mereka dalam bidang perdagangan dan perindustrian untuk menyaingi usaha-usaha pihak swasta. Pada peringkat yang kedua mereka adalah dikehendaki supaya menjual sebahagian daripada saham-saham syarikat-syarikat atau anak-anak syarikat mereka kepada orang ramai. Ini patutlah menjadi strategi utama badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, kerana kita berkehendakkan rakyat bukan sahaja memainkan peranan dalam pembangunan tetapi juga merasai nikmat daripada pembangunan tersebut. Sebagai satu strategi kita mesti menyalurkan keuntungan daripada sektor awam kepada orang ramai iaitu dalam bahasa Inggeris, dengan izin, sekali lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apakah perlunya dalam bahasa Inggeris?

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sebab saya hendak stress.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau tak perlu, tak payah. Berapa panjang?

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau satu dua baris tak mengapalah.

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Satu baris sahaja, iaitu, what we must do now is to transfer wealth from the public sector to the people. Selain daripada memberi peluang kepada orang-orang ramai untuk memiliki saham-saham tersebut ada satu lagi faedah kalau saham-saham dijual kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan hendak menjual saham-saham kepada orang ramai syarikat-syarikat tersebut mestilah menjadi public companies dan harga saham-saham tersebut mestilah diberitahu secara umum ataupun the shares must be quoted publicly. Saya rasa cara ini adalah cara yang baik sekali untuk mengawasi perjalanan syarikat-syarikat tersebut kerana mengikut lazimnya saham-saham syarikat-syarikat yang berjalan dengan baik mendapat keuntungan, maka harga saham-saham mereka

akan lebih tinggi daripada harga saham-saham syarikat yang tidak berjalan dengan baik dan mengalami kerugian. Oleh hal yang demikian, dengan cara tidak langsung pihak Kerajaan boleh mengawasi perjalanan syarikat-syarikat tersebut. Kalau kita hendak mengawasi perjalanan Badan-badan berkenaan dan Syarikat-syarikat Kerajaan adalah amat sukar dipraktikkan dan untuk membuat demikian kita memerlukan ramai pakar-pakar yang berpengalaman dan ini akan menelan perbelanjaan yang banyak. Pada pendapat saya lebih baik kita serahkan pengawalan ini kepada permintaan pasaran (market forces).

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh ialah berkenaan dengan Badan-badan Dakwah. Saya sependapat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah berucap dalam perkara ini bahawa aktiviti-aktiviti dakwah mesti dipergiatkan lagi. Memandang kepada ancaman komunis yang kita sedang hadapi dan juga memandang kepada masalah keruntuhan akhlak yang sedang menjadi satu masalah yang penting, aktiviti-aktiviti dakwah mestilah dipergiatkan lagi di universiti-universiti, sekolah-sekolah, Jabatan-jabatan Kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan badan-badan yang lain termasuk Badan-badan Belia. Akan tetapi, saya harap di dalam hal ini bahawa pihak Kerajaan akan mengawasi aktiviti-aktiviti Badan-badan Dakwah yang tidak seimbang dengan ajaran Islam yang sebenarnya. Seperti yang kita semua maklum bahawa Islam adalah agama yang menitik-beratkan akhirat dan juga dunia ini, iaitu Islam adalah suatu agama yang mengenalkan bahawa kita hidup dalam masyarakat. Dan oleh sebab itu, Islam telah menentukan garis-garis panduan untuk kehidupan kita dalam masyarakat.

Oleh hal yang demikian, ajaran dakwah yang hanya menitik-beratkan akhirat sahaja hendaklah diubahsuai mengikut peredaran masa supaya pengikut-pengikutnya tidak lupa akan tanggungjawab dan peranan mereka terhadap negara dan masyarakat. Kerana Islam selain daripada menggalakkan kita untuk beramal ibadat untuk keselamatan kita di akhirat ia juga tidak lupa hendak menggalakkan kita untuk mencari kesempurnaan dalam dunia. Saya harap kepada pihak Kerajaan supaya akan menentukan bahawa Badan-badan Dakwah ini akan memperjuangkan kedua-dua segi iaitu jasmani

dan rohani supaya pengikut-pengikut dakwah-dakwah tersebut tidak memberatkan satu aspek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak memanjangkan ucapan saya kerana banyak pun telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam perbahasan ini. Saya mengakhiri ucapan saya dengan sekali lagi merakamkan sokongan saya kepada ucapan Belanjawan Menteri Kewangan kita.

4.07 ptg.

Tuan James Stephen Tibok (Penampang):

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang menyokong Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada minggu yang lalu. Saya rasa ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu pada kali ini adalah sangat sesuai dengan kehidupan kita di Malaysia terutama sekali dalam masa sedang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh tentang rancangan-rancangan yang diberi kepada Sabah biasanya terdapat lambat sampai ke sana. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa selalu terdapat sungutan dari orang ramai mengatakan wang dari Pusat lambat diterima kalau diterima pun pada penghujung tahun. Maka bererti kiranya wang tidak dapat dibelanjakan pada tahun itu, maka wangnya akan ditarik balik dan buat permohonan baru serta menyediakan hujah-hujah bagaimana boleh terlambat atau tidak dapat dilaksanakan peruntukan itu. Inilah masaalah yang serba kurang mendapat perhatian tentang rancangan-rancangan pembangunannya. Rakyat Sabah memang dahagakan rancangan-rancangan pembangunan kerana di sana terdapat serba kekurangan. Oleh itu saya merayu kepada Kerajaan Pusat melalui Dewan yang mulia ini agar dapat dihantar peruntukan untuk rancangan-rancangan pembangunan pada awal-awal tahun kerana Tuan Yang di-Pertua pun sedia maklum bahawa perhubungan di sana bukanlah seperti di Semenanjung boleh sampai dengan sertamerta, lebih-lebih lagi di pedalaman selalu pendapatan kurang memuaskan layanan dalam hal rancangan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru adalah suatu harapan yang besar kepada bumiputra di Sabah. Semenjak dasar ini diumumkan oleh Kerajaan baik Negeri atau Pusat harapan melambung dari bumiputra di Sabah tidak banyak hampa terutama sekali tender-tender. Banyak ke-dapatan tender-tender yang dikeluarkan daripada Kerajaan Pusat kepada negeri Sabah tidak diberi peluang langsung kepada bumiputra walaupun kaum bumiputra yang memasuki tender itu the lowest tender tetapi yang dipilih ialah yang bukan terdiri dari bumiputra. Nampaknya kalau begini berpanjangan, kaum bumiputra akan lebih tertindas daripada kaum penjajah, kerana kalau memasuki the lowest tender pun tidak dapat apa pula lagi yang kedua atau yang ketiga daripada the lowest. Tambahan pula ada pengumuman daripada Kerajaan bahawa kaum bumiputra tidak lagi diberi Special Reference dalam hal tender-tender ini. Mereka terpaksa berlari bersama dengan kaum yang bukan bumiputra yang telah maju, sekiranya ini benar berlaku atau arahan daripada ibu pejabat Kerajaan kita, kaum bumiputra yang memasuki tender ini tidak akan masuk lagi di dalam bidang mempertinggikan ekonomi bumiputra.

Saya harap Kerajaan Pusat dapat memberi penerangan dalam hal tender kaum bumiputra terutama sekali untuk anak negeri Sabah. Saya akui, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada setengah-setengah kontrekter bumiputra ada membuat delayed dalam kerjanya. Ini ialah disebabkan oleh tekanan inflasi, tetapi sungguhpun begitu, janganlah dicap bahawa kaum bumiputra Sabah tidak boleh membuat kerja. Ada juga kontrekter bumiputra menjual harta benda mereka oleh kerana hendak menyiapkan tender, tetapi malangnya untuk tender yang akan datang, mereka ini tidak diberi peluang langsung. Inilah saya suka mendapat jaminan daripada Kerajaan Pusat supaya kaum bumiputra yang hendak meninggikan ekonomi kaumnya jangan divictimisekan supaya tidak berpanjangan perkara ini berlaku.

Saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa pemohon-pemohon bumiputra Sabah untuk mendapat pertolongan seperti working capital dan sebagainya daripada agensi-agensi Kerajaan susah untuk mendapat pertimbangan, sungguhpun ada beberapa kali Yang Berhormat Menteri memberi jaminan di Dewan ini daripada C.G.C.,

dan lain-lain agensi kewangan. Semua janji-janji itu hanya tinggal janji sahaja, kerana tidak ada directive yang menyeluruh. Jadi saya harap apabila Kerajaan membuat directive untuk membolehkan kaum bumiputra yang ingin sama-sama, maju seperti kaum lain di Malaysia ini diberi peluang dengan seluas-luasnya supaya pada satu masa nanti kita boleh bersama-sama menikmati hidup dalam Malaysia yang aman dan makmur.

Masalah road tax yang dikenakan kepada kenderaan-kenderaan Sabah seperti di Semenanjung adalah sangat-sangat tidak patut, kerana dalam Rancangan Malaysia Ketiga kita hendak membandarkan luar bandar bukanlah dengan sekelip mata sahaja. Kebanyakan jalanraya-jalanraya di Sabah masih begitu juga tidak seperti yang diidamkan di bandar-bandar, jalan di luar bandar masih begitu juga tidak ditar, kalau hujan tidak boleh dilalui langsung, apatah lagi kalau musim panas, habuk, debu berterbangan.

Masalah jalanraya di Sabah, saya harap hendaklah dipertimbangkan dengan sehalusnya kerana dengan kenaikan cukai jalan kepada kenderaan Sabah bermakna akan menambahkan derita mereka lagi daripada yang ditanggung oleh mereka sekarang.

4.14 ptg.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1977. Dan seterusnya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana berjaya menyampaikan Belanjawan yang popular dan yang dapat diterima oleh semua pihak rakyat sebagai Belanjawan beliau yang pertama bagi negeri kita ini. Saya ingin menyatakan bahawa setelah menyertai perbahasan Belanjawan-belanjawan yang lepas, saya dapati Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri sungguh menyegarkan dan saya ingin memuji beliau kerana menunjukkan kepada kita, beberapa aspek baru dalam penyampaian Belanjawan dan dengan itu, membuka prospek-prospek yang cerah bagi keupayaan kewangan negara kita.

Belanjawan ini sepatutnya menggalakkan rakyat kita untuk berusaha dengan lebih tekun lagi. Ianya mesti juga memberi

perangsang kepada pelabur-pelabur asing untuk lebih menumpukan kegiatan-kegiatan mereka di Malaysia. Mengenai penyertaan modal asing yang lebih, dalam pembangunan negara kita, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana memperkenalkan kemudahan pembiayaan Semula Kredit Ekspot yang akan dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1977 dan juga cadangan beliau untuk mengecualikan daripada cukai, sebarang faedah yang dibayar kepada mereka yang bukan pemastautin di bawah dasar baru bagi pengecualian cukai. Saya yakin bahawa cadangan ini khasnya, akan menggalakkan aliran sumber-sumber kewangan tambahan dari luar negeri.

Ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan. Secara amnya, kita boleh menganggap Belanjawan kali ini sebagai belanjawan yang sungguh memuaskan dari kaca-mata pembayar-pembayar cukai. Akan tetapi, "dimension" Belanjawan ini adalah amat besar jikalau dibandingkan dengan Belanjawan-belanjawan yang lepas, yang telah disampaikan di Dewan ini. Oleh itu, rakyat adalah digesa untuk berikhtiar dengan lebih tekun lagi bagi mempertahankan negara kita, mengekalkan kesetabilan politik dan mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam membasmi kemiskinan dan mengurangkan ketidak seimbangan ekonomi agar keamanan, keselamatan dan kesetabilan negara kita membawa hasil-hasil ekonomi dan meninggikan mutu hidup rakyat kita.

Kita percaya bahawa kedudukan kewangan negara kita adalah kuat. Keyakinan Yang Berhormat Menteri Kewangan seharusnya meresap juga kepada rakyat sendiri. Dalam keadaan sedemikian, adalah lazim bagi wakil-wakil rakyat di Dewan ini untuk membangkitkan lebih banyak perkara-perkara bagi menafaatkan kawasan pilihanraya mereka sendiri, memandangkan kepada kekuatan kedudukan kewangan kita yang telah membolehkan Yang Berhormat Menteri Kewangan menyampaikan Belanjawan sedemikian, yang dapat diterima oleh semua.

Sebagai wakil rakyat bagi Kawasan Tanjong, saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri supaya menimbangkan dengan seriusnya perkara mengurangkan cukai-cukai yang berikut agar penduduk-penduduk Pulau Pinang, khasnya mereka yang duduk di Kawasan Pilihanraya saya, dapat menyesuaikan diri mereka dengan

keadaan baru setelah Pulau Pinang menjadi sebahagian daripada Kawasan Utama Kastam. Memandangkan kepada kekuatan kewangan negeri kita dan menimbangkan kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh saudagar-saudagar, peniaga-peniaga, pekedai-pekedai dan peniaga-peniaga kecil di Pulau Pinang, yang telah dibawa masuk ke dalam Kawasan Utama Kastam saya ingin mendesak Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menimbangkan soal mengurangkan Cukai Jualan yang dikenakan di Pulau Pinang kepada setengah kadarnya dan juga mengurangkan Cukai Perkhidmatan dan jikalau dapat, menghilangkannya sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa rakyat di Pulau Pinang akan dapat menemui cabaran yang timbul akibat kemasukan Pulau Pinang ke dalam kawasan Utama Kastam. Akan tetapi, mereka memerlukan tempoh masa untuk menyesuaikan diri mereka dengan keadaan yang telah berubah itu. Memang terdapat sungutan-sungutan yang kuat bahawa perdagangan-perdagangan dan perniagaan-perniagaan tradisional itu telah ditimpa kesusahan-kesusahan yang berat-berat.

Telah beberapa kali di Dewan ini saya menggesa pihak Kerajaan supaya membantu perusahaan pelancungan yang sedang berkembang dan juga perniagaan-perniagaan dan perdagangan-perdagangan tradisional di Pulau Pinang melalui langkah "documentation" bagi pelancung-pelancung untuk membolehkan pelawat-pelawat dari negeri-negeri asing menikmati kemudahan-kemudahan membeli belah yang dikecualikan cukai.

Pihak Kerajaan telah banyak berjasa dalam soal memajukan Pulau Pinang sebagai pusat tumpuan pelancung-pelancung supaya dapat membantu peniaga-peniaga di Negeri Pulau Pinang mengatasi kesulitan-kesulitan yang akan mereka hadapi apabila kemudahan pelabuhan bebas dilucutkan dan Pulau Pinang dibawa masuk ke dalam Kawasan Utama Kastam.

Walaupun soal "documentation" bagi pelancung-pelancung telahpun dibincangkan beberapa kali, ianya masih belum dilaksanakan, dan akan mengambil masa sekiranya keputusan diambil untuk melaksanakannya. Oleh yang demikian, sehingga Kerajaan Persekutuan dapat membantu perniagaan-perniagaan dan perdagangan-perdagangan

tradisional di Pulau Pinang, secara langsung melalui "documentation" bagi kemudahan membeli-belah yang dikecualikan cukai, dan pelancung antarabangsa terus berkembang selepas lapanganterbang antarabangsa telah siap, maka saya ingin mengesa pihak Kerajaan agar menimbangkan dengan seriusnya, cadangan-cadangan saya bagi mengurangkan kedua-dua cukai tersebut di Pulau Pinang bagi tempoh masa yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, memangnya banyak alasan-alasan boleh diberi untuk menyokong cadangan supaya tidak meluaskan lagi bidang mengenakan Cukai Perkhidmatan sepertimana yang telah dicadangkan. Adalah dianggarkan bahawa hasil tambahan hanya sebanyak \$1 juta sahaja. Sudah tentu bahawa hasil tambahan yang dapat diterima akibat meluaskan bidang mengenakan Cukai Perkhidmatan yang dicadangkan itu, tidak akan melambung sebegitu tinggi, usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan perusahaan pelancungan.

Dalam soal pelancungan secara amnya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk terus menggesa Yang Berhormat Menteri Kewangan agar menimbangkan hal mengecualikan hotel-hotel pelancung-pelancung antarabangsa daripada cukai eksais atas air anggur sepertimana dicadangkan. Meminum air anggur bukanlah satu tabiat dalam masyarakat Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Air anggur macam mana Yang Berhormat?

Dr Lim Chong Eu: Wine. Tetapi wine yang murah akan menggalakkan perkembangan pelancungan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang dua perkara kecil. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana mencadangkan elaun kesusutan secara "accelerated" untuk memberi galakan kepada perusahaan-perusahaan tertentu dan untuk memodenkan perusahaan-perusahaan yang sedia ada. Nampaknya, perusahaan-perusahaan yang berasaskan bahan-bahan pertanian, sumber-sumber utama, makanan dan lain-lain khasnya digalakkan. Saya ingin mendesak Yang Berhormat Menteri Kewangan agar turut masuk ke dalam senarai perusahaan yang layak untuk elaun-elaun tahunan secara "accelerated" ini, perusahaan mengetin, dan memproses cendawan-cendawan. Perusahaan

cendawan ini telah dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebagai perusahaan "agro-based" yang utama dan masih mengalami masalah-masalah awal dalam perkembangannya. Oleh itu, sebarang bantuan akan disanjung tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga merujuk kepada perkara yang kian menjadi masalah kewangan yang serius, iaitu tugas membentuk semula Kerajaan Tempatan. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini sedia maklum, dasar Kerajaan Persekutuan adalah untuk membentuk semula Kerajaan Tempatan melalui:

- (i) Peraturan-peraturan Dharurat, 1965.
- (ii) Akta Kerajaan Tempatan, 1973 dan
- (iii) Akta Kerajaan Tempatan 1975.

Akan tetapi, telah menjadi bertambah jelas bahawa jikalau kita ingin berjaya dalam melaksanakan dasar ini, maka 3 faktor asasi perlu diselesaikan. Kerajaan-kerajaan Tempatan baru mesti dibekalkan dengan

- (i) sumber-sumber kewangan yang mencukupi melalui gran pada awalnya untuk membolehkan mereka memperoleh alat-alat kelengkapan dan asset-asset yang mencukupi.
- (ii) subsidi tahunan untuk membiayai Perbelanjaan Berulang Tahunan mereka, terutamanya gaji-gaji dan upahan-upahan; dan
- (iii) perkhidmatan yang disatukan yang rational untuk membolehkan penukaran kakitangan dalam cara yang berseesuaian dengan peruntukan-peruntukan biasa Jabatan Perkhidmatan Awam.

Oleh yang demikian, saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya memberi peruntukan yang lebih kepada Kementerian Kerajaan Tempatan agar dapat mencapai matlamat-matlamat Kerajaan untuk membentuk semula Kerajaan-kerajaan Tempatan. Umpamanya, sekiranya kita mengkaji peruntukan-peruntukan Persekutuan untuk Majlis Bandaraya Kuala Lumpur yang termasuk dalam Peruntukan Persekutuan secara langsungnya adalah jelas bahawa jikalau dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan bagi Kuala Lumpur, sumber-sumber kewangan perkapita yang ada untuk membiayai dengan jayanya Kerajaan kerajaan Tempatan di lain-lain rantau dalam negara ini, adalah kurang sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sedemikian, kita harus sedar bahawa kebanyakan daripada Kerajaan-kerajaan Tempatan yang telah dibentuk, tidak dapat memberi perkhidmatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan-keperluan pembayar-pembayar kadar taksiran. Dalam usaha kajian penilaian semula harta-harta yang baru-baru ini dijalankan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang adalah jelas kelihatan bahawa dengan adanya niat pentadbiran yang paling baik dan kerjasama penuh daripada rakyat, jumlah hasil yang dapat dikutip melalui kadar-kadar taksiran, walaupun melalui usaha kajian penilaian semula yang sederhana sahaja, adalah terhad oleh tindak-balas dan reaksi pembayar-pembayar kadar taksiran. Boleh dikatakan bahawa tiada kemungkinan langsung bagi Kerajaan Tempatan memperoleh hasil yang lebih banyak melalui kadar taksiran sebab rakyat sendiri tidak mampu membayar kadar taksiran yang lebih tinggi di peringkat Kerajaan Tempatan. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan harus mengambil keputusan samada ia akan meneruskan dengan matlamatnya mengadakan Kerajaan Tempatan dan membentuk semula setiap Kerajaan Tempatan. Jikalau begitu, Kerajaan Persekutuan mesti juga pada masa yang sama, mengambil keputusan untuk bertanggungjawab atas soal memperuntukkan sumber-sumber kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan supaya mereka akan mempunyai keupayaan kewangan dan menjalankan tugas-tugas mereka dengan berkesan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Pengalaman Negeri Pulau Pinang di mana usaha-usaha membentuk semula Kerajaan Tempatan barangkali telah berlangsung dengan lebih cepat lagi daripada lain-lain tempat di negara ini, telah membawa kita kepada rumusan bahawa tiga faktor asasi yang telah saya sebutkan tadi dan saya akan ulangi di sini, iaitu:

- (i) geran permulaan yang mencukupi;
- (ii) subsidi tahunan yang mencukupi; dan
- (iii) perkhidmatan yang disatukan dengan sewajarnya adalah perlu jikalau Kerajaan Tempatan akan terus wujud sebagai sebahagian daripada pentadbiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, semenjak pembentukan semula dilaksanakan pada bulan Julai 1974, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang telah menghadapi masalah kewangan yang rumit dan kesulitan membiayai perkhidmatan-pekhidmatan yang lazim ditanggung oleh Kerajaan-kerajaan Tempatan ini kian bertambah serius.

Hanya jikalau Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan dengan serta-merta untuk menyelesaikan masalah kewangan Kerajaan-kerajaan Tempatan, akan dapat kita meneruskan dengan dasar yang telah dilancarkan itu. Memandangkan kepada kekuatan kedudukan kewangan negara kita ini, saya ingin mendesak Yang Berhormat Menteri Kewangan agar memperuntukkan sumber-sumber kewangan tahunan yang mencukupi bagi membolehkan kita melaksanakan dasar Kerajaan untuk membentuk semula Pihak Berkuasa Tempatan supaya dapat memberikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan yang lebih cekap lagi berkesan, demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Dewan sedia maklum salah satu daripada matlamat-matlamat utama Kerajaan adalah untuk membekalkan lebih banyak rumah-rumah terutama sekali untuk golongan-golongan berpendapatan rendah di negara kita. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas ketegasannya dalam melaksanakan dasar ini melalui Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam Belanjawan tahun hadapan. Dalam menyokong dasar Kerajaan ini saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada dua aspek kewangan yang bersangkutan-paut dengan pelaksanaan dasar perumahan.

Pertama, sekiranya, kita ingin mencapai matlamat-matlamat kita, kerajaan harus mengambil langkah-langkah dengan serta-merta untuk menjamin bahawa harga bahan-bahan pembinaan tidak melambung tinggi. Setakat ini, saya menyokong dengan sepenuhnya strategi Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan khususnya dan berhubung dengan ini, ketetapan beliau untuk mengekalkan kesetabilan harga. Hanya dengan adanya kesetabilan harga bagi bahan-bahan pembinaan, akan kita dapat meramalkan pembiayaan perumahan bukan sahaja sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, bahkan juga dalam tempoh Belanjawan Tahun 1977.

Kedua, adalah pengetahuan am bahawa selain daripada kenaikan harga rumah akibat kegiatan spekulasi di beberapa peringkat, sebab-sebab utama bagi kenaikan harga rumah termasuklah tambahan tahunan kepada harga rumah-rumah akibat:

- (i) cukai tanah
- (ii) kadar taksiran
- (iii) kadar faedah bank-bank bagi penjelasan pinjaman-pinjaman perumahan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana menawarkan rebet-rebet cukai pendapatan sejajar dengan dasar beliau untuk meringankan kesusahan yang dihadapi oleh pembayar-pembayar kadar taksiran dari golongan berpendapatan rendah. Saya berseru kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi pertimbangan serius terhadap memberi bantuan selanjutnya kepada mereka-mereka yang berpendapatan rendah, dengan rujukan khas kepada perumahan, supaya mengecualikan mereka yang menduduki rumah-rumah sendiri daripada cukai, segala pembayaran cukai tanah kadar taksiran dan kadar bank-bank bagi penjelasan pinjaman perumahan, bagi rumah yang diduduki itu. Adalah dianggap adil sekiranya bangunan-bangunan yang digunakan untuk perniagaan ataupun untuk sewaan, tidak layak untuk pengecualian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyentuh tentang cukai-cukai eksais dan saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas kesedaran beliau terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan-golongan berpendapatan rendah di negara kita ini, khususnya cadangan beliau memberi rebet cukai pendapatan. Saya ingin menyatakan bahawa dalam keadaan yang wujud pada masa ini di Malaysia, peti talivisyen, peti ais, cerek elektrik dan dapur itu tidak boleh dianggap sebagai alat-alat kemewahan atau separuh kemewahan. Alat-alat ini telah menjadi alat-alat keperluan dalam setiap rumah tangga. Dasar Kerajaan adalah untuk menggalakkan pembentukan sebuah Masyarakat Malaysia yang progresif dan moden, di mana kebanyakan alat-alat tersebut merupakan sebahagian daripada cara hidup kita. Oleh itu, saya menggesa Yang Berhormat Menteri agar berusaha dalam mencari sebarang ikhtiar bagi mengecualikan daripada cukai

eksais, pemilikan oleh setiap rumahtangga, yunit tunggal alat-alat seperti peti talivisyen, peti ais, cerek letrik, dapur dan lain-lain alat keperluan rumah. Saya memang bersetuju bahawa jikalau peti talivisyen, radio, peti ais, cerek letrik, dan lain-lain boleh dianggap sebagai alat-alat kemewahan tetapi yunit-yunit tunggal bagi alat-alat yang disebutkan tadi, adalah sebahagian daripada keperluan asasi bagi sebuah rumahtangga. Oleh itu, pertimbangan patut diberi untuk mengecualikannya daripada cukai eksais.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan cadangan saya untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan memandangkan kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Belanjawan adalah Rancangan Ekonomi Tahunan dan patut "flexible" dan "pragmatic" supaya langkah-langkah kewangan sempat diambil dalam tempoh antara persidangan-persidangan Belanjawan. Saya berharap agar Yang Berhormat Menteri dalam menimbangkan cadangan saya terhadap Belanjawan beliau yang baik sekali ini, akan dapat melaksanakan separuh daripada cadangan-cadangan saya itu semasa Belanjawan yang telah beliau sampaikan itu terus dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya usul oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

4.41 pg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1977 dan saya suka memberi pandangan di atas perkara-perkara tertentu. Saya akan tumpukan ucapan saya khasnya kepada keadaan yang berlaku di kawasan pendalaman negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan cukai yang dikenakan oleh Menteri Kewangan semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan di Dewan ini adalah sesuai dengan zaman sekarang dan ingin saya meyebutkan di sini bahawa penduduk-penduduk di luar bandar juga ada membantu Kerajaan dengan membayar cukai ini secara langsung dan secara tidak langsung. Penduduk-penduduk di luar bandar seperti kawasan di mana saya sendiri mewakilinya adalah terdiri dari petani-petani dan pekebun-pekebun kecil yang sentiasa mengalami kekurangan kerja dan mata pencarian

hidup mereka adalah secara lama yang diwarisi turun-temurun daripada zaman dahulu. Mereka yang bertanam ditanah bukit setahun di sini dan tahun hadapan di tempat lain. Mereka yang bertanam padi di sawah yang tidak begitu besar kehidupan mereka adalah seperti kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Hasil kerja mereka tidak dapat disimpan dan dikumpulkan untuk hari kebelakangan. Ekonomi mereka ini adalah berasaskan kepada tanaman iaitu boleh dikatakan di negeri Sarawak sebagai padi ekonomi. Dalam zaman sekarang iaitu zaman pembangunan jalanraya daripada bandar telahpun menyambung kawasan pendalaman dan dari bandar telah sampai ke kawasan pendalaman membawa kemudahan kepada penduduk-penduduk di situ dan perjalanan mereka telahpun begitu senang. Dengan facility ini mereka dapat dihubungkan di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Dengan berbuat demikian daripada pandangan mereka, mereka ini sudah tahu bahawa kehidupan mereka berasaskan kepada padi, ekonomi dan wang adalah perlu sebaik sahaja mereka keluar daripada pintu kerana wang ringgit ini tidak ada pada mereka itu.

Kebun-kebun getah yang ditanam sebelum dan selepas zaman Jepun sekarang telahpun tua dan pokok getah ini tidak dapat ditoreh lagi. Apabila harga getah turun pada pertengahan tahun enam puluhan kebun-kebun kecil mereka terus tidak dipelihara lagi dan sekarang pokok-pokok getah itu sudah mati dan diganti oleh sebarang pokok lain. Ada juga golongan yang mendengar panggilan Kerajaan untuk memodenkan pertanian sudahpun menanam lada hitam di tanah mereka. Ada di antara mereka menanam nenas dan kelapa. Ada juga menternak ayam itek dan binatang-binatang. Tetapi semua kegiatan-kegiatan ini adalah kegiatan-kegiatan yang baharu dan ada yang dapat diuruskan dengan cara yang moden jika hendak mendapatkan keuntungan bahkan mereka ini tidak tahu cara yang moden walaupun mereka tahu daripada buku dan keterangan daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang datang memberi ajaran kepada mereka, mereka ini tidak mempunyai modal untuk berusaha secara ekonomi.

Dalam tempoh terakhir ini di mana cara kehidupan lama bertentangan dengan cara hidup moden, penduduk-penduduk luar bandar menjadi mangsa akibat perusahaan

moden. Saya bangkitkan demikian adalah bertujuan merayu kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian yang berat di atas masaalah ini supaya penduduk-penduduk itu tidak ketinggalan.

Saya pasti Kerajaan telah mengadakan begitu banyak sekim subsidi pertanian. Semuanya ini untuk menggalakkan petani-petani beralih kepada cara moden. Berjuta-juta ringgit dipohon dari Dewan ini setiap tahun untuk membiayai rancangan subsidi kepada petani-petani. Yang menjadi rumit ialah perlaksanaannya bagaimana Kerajaan memberi faedah-faedah sekim subsidi ini kepada penduduk-penduduk yang betul-betul memerlukannya. Sekarang ini di negeri Sarawak ada disediakan sekim lada hitam dan sekim padi bukit. Adalah dianggarkan beberapa juta ringgit diperlukan hanya untuk membiayai sekim lada hitam. Malangnya yang kita dapat lihat di kawasan pendalaman di seluruh negeri Sarawak ialah sungguhpun ada sekim subsidi namun demikian masih kurang bilangan penduduk-penduduk yang bergiat dalam tanaman lada hitam yang bermutu tinggi. Kebanyakan daripada peserta dalam sekim rancangan itu tidak dapat melaksanakan tujuan sekim itu kerana syarat sekim itu begitu ketat.

Sekim lada hitam ini memerlukan si pemohon yang mempunyai tapak tanah dan telah membeli tidak kurang daripada 200 batang keratan kayu belian sebelum si pemohon dapat menanam benih lada hitam. Masaalah ini adalah si pemohon tidak mempunyai wang untuk membeli keratan kayu itu yang sekarang harganya telah meningkat naik. Apabila sudah ada sekim tanaman benih lada hitam si pemohon itu sekali lagi memohon bantuan baja dan racun serangga daripada Kerajaan, tetapi sebelum si pemohon dibenarkan ada perlunya Pegawai Pertanian memeriksa dan berpuas hati dengan si pemohon itu betul-betul sudah menanam benih lada hitamnya mengikut peraturan yang ditentukan.

Sekarang satu lagi masaalah yang baharu iaitu pegawai-pegawai dari Pejabat Pertanian Daerah di luar bandar tidak pergi ke kawasan pendalaman kerana mereka berkata elaun perjalanan di pejabatnya sudah kehabisan dan oleh itu tidak dapat pergi melihat pekebun-pekebun yang memasuki rancangan subsidi itu. Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita pandang kepada beberapa ribu

juta ringgit sejak merdeka wang telah diperuntukkan kepada sekim subsidi itu dan hasilnya terusnyapun tidak memuaskan, saya rasa kesal dan saya mencadangkan di bawah peraturan sekim ini patut diubah-suaikan supaya wang ini tidak hanya dibuang-buang sahaja. Saya percaya bahawa sekim subsidi lada hitam boleh ditempatkan di tempat yang luas dan semua peserta-peserta di sekim itu terpaksa bekerja di tanah itu di bawah jagaan dan perlindungan Pegawai-pegawai Pertanian yang mahir. Biarlah mereka itu diberi perlindungan dan jagaan selama lebih kurang tiga atau empat tahun sehingga kebunnya itu telah memberi hasil dan apabila sudah berhasil, Pegawai-pegawai Pertanian itu boleh juga menentukan pasaran untuk keluaran mereka itu. Dalam pandangan saya hanya dengan cara yang begitu sahaja yang dapat menentukan petani-petani dan pekebun-pekebun kecil dapat menggunakan pertolongan dari Kerajaan dan memuaskan.

Pasaran keluaran tempatan dipendalaman di negeri Sarawak ada juga satu masaalah yang besar kerana pasaran ini dikawal oleh orang tengah. Harga barang-barang keluaran petani pekebun kecil di luar bandar sentiasa tidak membawa keuntungan kepada mereka. Ejensi-ejensi Kerajaan seperti FAMA dan persatuan peladang tidak dapat memberi perkhidmatan kepada semua tempat kerana penduduk-penduduk sendiri tidak mengerti maksud dan faedah koperasi. Saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi peranan mana yang patut supaya kita dapat membuka pegangan orang tengah di atas pekebun-pekebun kecil itu.

Saya merayu juga kepada Kerajaan supaya melaksanakan pekedai-pekedai kampung di tiap-tiap tempat pendalaman supaya mereka ini dapat memberi penghidupan di kalangan mereka sendiri dan tidak diganggu oleh orang tengah juga. Apa yang berlaku sekarang ialah pekedai-pekedai di kampung pendalaman sudahpun menutup pintu kedai mereka kerana apabila sudah ada jalanraya menyambungi mereka, datanglah orang tengah daripada bandar menjual barang-barang runcit di kampung itu dan mana kedai-kedai kampung telah mencari pencarian hidupnya selama ini sebelum adanya jalanraya itu. Kalau difikirkan patut oleh Kerajaan, saya mencadangkan diadakan satu rancang undang-undang untuk melindungi pekedai-pekedai di luar bandar ini agar mereka terdiri dari anak bumiputra juga

dapat memainkan peranan dalam perusahaan ini yang bertujuan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Saya bukan bercadang untuk ketepikan kehendak-kehendak orang tengah ini bahkan supaya orang yang sudah mahir tidak bertarung dengan orang yang belum pandai. Saya pasti jika dibiarkan begitu, maka tidaklah dapat kita lihat golongan bumiputra yang dapat maju dalam perusahaan dan perniagaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah saya hendak bercakap panjang lagi kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga hendak bercakap. Saya hanya mengemukakan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan pengundian saya di kawasan pendalaman yang lain di negeri Sarawak. Dengan ini saya terus menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1977.

4.58 ptg.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1977 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan ini. Sebelum saya panjangkan, saya mengalu-alukan dasar cukai yang diumumkan bahawa ianya adalah baik dan berpatutan. Daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah didapati bahawa pihak swasta adalah digalakkan memainkan peranan yang besar untuk menggalakkan kemajuan ekonomi. Memandangkan kepada keadaan ekonomi kita sekarang iaitu betapa beratnya beban pembangunan yang memerlukan begitu banyak perbelanjaan dan walaupun pendapatan negara telah bertambah, tetapi masih tidak mampu untuk menampung perbelanjaan pembangunan. Jadi, di samping mereka mencari keuntungan pihak swasta mestilah juga membangunkan ekonomi dan menambatkan hasil negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini, saya ingin menyentuh kepada keadaan di negeri Sarawak iaitu peranan swasta bumiputra. Bumiputra di negeri itu telahpun dikokohkan dengan SNAP sebuah parti politik yang besar di sana telah memasuki Barisan Nasional dan menyertai sungguhpun kecil dalam Kerajaan Negeri dan Pusat, suka saya menyatakan bahawa SNAP berbuat demikian semata-mata untuk satu atau dua orang

pemimpinnya menjadi anggota Kerajaan bahkan supaya mengadakan suasana politik yang stabil agar semua keturunan kaum dapat berganding bahu untuk maju ke hadapan dengan tiadanya salah sangka di kalangan mereka, lebih-lebih lagi di kalangan bumiputra. Saya ingin menyebut keyakinan semua kejadian politik ini akan membawa kesan dan saling mengerti di kalangan rakyat di sana. Sungguhpun ada satu dua perkara yang masih bertentangan, saya berharap suasana yang baik akan terus tercapai.

Penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan masih sukar di Sarawak. Dasar Ekonomi Baru yang diharapkan ada menjamin satu tauladan yang baru, malangnya telah membawa salah sangka bahawa pihak bumiputra ini diberi kemudahan sama peluang kepada bukan bumiputra diambil alih, bahkan yang sebenarnya dan ternyata dalam perangkaan, penyertaan bumiputra belum sampai 5% keseluruhannya. Salah sangka ini adalah bahaya dan Dasar Ekonomi Baru ini bercadang akan menetapkan 30% dari semua bidang dipegang oleh bumiputra pada tahun 1990. Ini tidak akan dapat tercapai jika had laju kita seperti sekarang berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, betul juga bumiputra mempunyai tanah yang besar dianggarkan 8,500 batu persegi tetapi tanah ini bukan sebenarnya dihakmiliki oleh bumiputra. Tanah ini di bawah customary law and walaupun keluarga mereka menduduki di bidang tanah yang besar dan luas tanah itu bukan kepunyaannya, tarafnya lain daripada mid-zone. Oleh kerana sekarang sudah ada jalanraya masuk ke kawasan pendalaman, tanah yang berdekatan jalan itupun dikerjakan oleh bukan bumiputra untuk mereka tanam lada hitam dan lain-lain perusahaan tanah secara haram. Ini terjadi kerana mereka dari bandar ada wang ringgit dari perkongsian dan syarikat kaumnya dan bumiputra yang asal di tanah itu tidak berkemampuan hendak menggunakan tanahnya supaya mendatangkan hasil. Kalau orang bumiputra itu hendak meminjam wang dari pihak apa pun tanahnya tidak ada surat hakmilik dan jika ada seperti dikeluarkan di bawah undang-undang tanah baru nilai tanah pendalaman langsung kecil dan tidak bermakna. Bila pinjaman itu kecil sangat jangan kata hendak bertanam, preliminary cost sudahpun dihabiskan wang itu dan bumiputra itu balik ke tempatnya semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin agar agensi Kerajaan seperti C.G.C. mengambil perhatian di atas perkara ini. Saya pasti bahawa di bawah C.G.C. ini satu atau dua bank tempatan telahpun menyediakan pinjaman kepada bumiputra berniaga kecil tetapi ada di antara bank-bank ini hanya memberi kemudahan kepada bumiputra, jika ada orang bukan bumiputra syorkan memohon tanah itu, sebab bumiputra susah hendak kenal orang kaya. Ini telah menjadi masalaah. Saya menyebut ini bukan semata-mata hendak criticise tetapi supaya Kerajaan benar-benar mencari jalan untuk menolong kalangan bumiputra supaya mereka dapat juga memainkan peranannya seperti yang diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekarang ini ada agensi Kerajaan seperti Sarawak Land Development Board dan Sarawak Land Rehabilitation and Consultation Authority bagi memaju dan membangunkan kawasan luar bandar menggunakan tanah. Saya setuju bahawa hanya dengan pembangunan yang secara besar-besaran ini di luar bandar yang dapat mengurangkan pengangguran dan harus menahan exodus ke bandar di mana mereka jadi mangsa eksploitasi. Saya yakin agar Kerajaan betul-betul menolong agensi ini supaya yang dilahirkan itu akan membela nasib penduduk luar bandar di Sarawak. Sekarang ini benar penduduk-penduduk itu ada salah faham di atas tujuan badan-badan ini tetapi jika sikap yang kita gunakan bersesuaian mereka akan mengerti akan maksud badan-badan Kerajaan ini hendak menolong mereka.

Rancangan pembangunan seperti ini dapat menentukan tanah di tepi jalanraya baru tidak bertukar tangan di bawah eksploitasi middlemen. Dasar Ekonomi Baru ini had come to stay tetapi faedahnya belum dirasai lagi. Jika sekarang juga kita sudah berhenti mengira perbezaan antara bumiputra dengan bukan bumiputra, bumiputra akan ketinggalan selama-lamanya. Saya sebutkan di sini biarkan sikap ini yang hendak mengurangkan jurang perbezaan ini asal sahaja hak bukan bumiputra tidak dirampas.

Dalam pandangan saya, "No man is an island" kalau pihak bumiputra mendapat keuntungan kejayaan itu pasti dibahagikan. Sikap ekonomi kita free enterprise menentukan bahawa kita semua dapat bekerjasama. Bumiputra hanya minta nasibnya jangan dihalang dan diganggu. Mata dan telinganya

baru terbuka, sebab itu mereka mengharapkan pertolongan. Pertolongan inipun tidak dapat mengubah had laju bumiputra sebab saudara kita bukan bumiputra telah berjalan jauh dan laju kehadapan. Kita ini adalah diibaratkan seperti harimau berlumba dengan tikus sahaja. Saya percaya bahawa adapun D.E.B. ini dan Kerajaan menggalakkan bumiputra dalam perniagaan dan perusahaan kita akan kekal dalam suasana aman dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memandangkan sedikit berkaitan dengan pengeluaran bahan-bahan makanan di negara kita ini adalah amat menggembirakan bagi kita mengetahui segala usaha-usaha Kerajaan bagi menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan untuk rakyat. Maka dengan sepenuhnya saya menyokong bahawa langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kerajaan yang ada menguruskan perkara ini beberapa tahun yang lepas, akan tetapi negara kita ini masih lagi tidak mencukupi bahan-bahan makanan untuk keperluan rakyat di negara ini. Oleh itu, saya mencadangkan di sini dan berharap Kerajaan akan dapat membuka tanah lebih luas lagi untuk menanam bahan-bahan makanan di seluruh Malaysia ini khasnya di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara ini juga saya mencadangkan kiranya Kerajaan dapat menubuhkan satu projek yang dikatakan Sekim Pertanian Lebuhraya Kebangsaan. Sekim seperti ini sudah banyak dijalankan di negara-negara lain seperti di Indonesia, Jepun, Philippines, Taiwan dan sebagainya telah begitu berjaya. Jikalau projek ini dijalankan di negara ini walaupun menelan belanja yang besar tetapi sekim ini saya rasa boleh berjaya kerana projek seperti ini boleh dibuat di tepi-tepi jalanraya di seluruh state di negara kita. Sebagai satu projek yang besar Kerajaan patutlah memberi bantuan dan pertolongan kepada sesiapa yang hendak menggunakannya. Apabila sekim ini sudah mengeluarkan hasil yang banyak tentulah kekurangan bahan-bahan makanan dapat dihapuskan. Projek ini tetap berjaya kerana kemudahan-kemudahan ekonomi seperti pengangkutan dan perhubungan telahpun wujud. Projek ini akan juga menolong mengurangkan perbelanjaan Jabatan Kerja Raya dalam perkara membersih kawasan-kawasan di sepanjang jalanraya pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sekim yang sangat baik dan berpatutan dibuat di negara kita ini ialah menternak ikan dan udang di air tawar. Yang kedua menternak binatang lembu dan sebagainya. Berkait dengan menternak ikan dan udang di air tawar ini saya merayu kepada Kerajaan menambahkan banyak lagi subsidi bantuan kepada rakyat di luar-luar bandar seluruh negeri di Malaysia ini khasnya di Sarawak untuk mereka menternak ikan dan udang di air tawar. Sekim seperti ini boleh dibuat di sungai-sungai kecil atau membuat kolam dengan seluas-luasnya di luar bandar, sebab penduduk-penduduk di luar bandar dari setahun ke setahun bertambah ramai. Dengan itu kekurangan ikan dan udang mesti bertambah beberapa tahun yang akan datang. Saya berharap Kerajaan atau Pejabat Perikanan mestilah mengambil perhatian untuk mengatasi masalah ini dengan berat.

Yang kedua, berhubung dengan menternak binatang lembu secara besar-besaran sangat perlu untuk negara kita ini supaya boleh mengurangkan daging-daging diimpot. Saya mencadangkan Kerajaan boleh dapat membuat dan meluaskan kawasan-kawasan yang besar dan beberapa tempat di negara kita untuk menternak binatang-binatang yang saya sebutkan tadi untuk jangka masa yang pendek atau panjang bagi menambahkan lagi ekonomi negara kita, keperluan kita sendiri dalam masa sepuluh atau lima belas tahun yang akan datang.

Di samping itu, saya ingin merayu kepada Kerajaan mengadakan perbelanjaan dengan secukupnya dan mencari tempat-tempat yang sesuai untuk menternak lembu dan lain-lain bagi menambahkan apa yang kita ada sekarang ini yang sedang dijalankan oleh Kerajaan supaya kita tidak menghadapi kekurangan daging lagi untuk keperluan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sekali lagi ingin menyentuh sedikit berhubung dengan wang kertas palsu \$50 saya ada membaca suratkhbar iaitu di dalam *The New Straits Times* bertarikh 29hb Oktober, yang lepas wang kertas palsu \$50 ini didapati di Butterworth, Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa siapa pun tidak tahu berapa banyakkah wang seperti ini ada di dalam negara kita ini dan juga kita pun tidak tahu berapa banyak ada di Jemenanjung Malaysia, Sabah dan di

Sarawak. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan atau pihak yang berkuasa menubuhkan suatu badan untuk menyiasat perkara ini dengan teliti yang boleh. Jikalau perkara ini tidak disiasat dengan secepat mungkin boleh jadi satu penyakit yang begitu merbahaya kepada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak tahu dimanakah wang kertas palsu ini dibuat samada dibuat dalam Malaysia atau di luar Malaysia ini. Kita lihat dari jauh wang seperti ini boleh jadi bertambah banyak dari setahun ke setahun dan banyaknya boleh juga bertambah berjuta-juta ringgit di negeri ini. Dari segi itu nilai ringgit di negara kita ini boleh jadi merosot atau jatuh jikalau wang kertas palsu ini tidak dicegah dan disiasat dengan segera yang boleh. Saya berharap Kerajaan memberi arahan kepada setiap bank, syarikat-syarikat, pekedai-pekedai dan juga rakyat tentang hal ini supaya tidak ditipu oleh pembuat-pembuat wang kertas palsu seperti apa yang saya sebutkan tadi.

Dengan ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

5.16 ptg.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon izin menyatakan sokongan sepenuhnya kepada Belanjawan dan juga cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya suka mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada beliau kerana bukan sahaja Belanjawan tahun ini disambut dengan baiknya di seluruh negara oleh semua golongan dan semua bangsa dalam negeri ini. Saya rasa satu perkara yang ternyata dalam Belanjawan ini ialah keberanian Yang Berhormat Menteri Kewangan mencuba bentuk dan cara yang baru yang sesuai pula dengan permintaan, permohonan dan kehendak orang ramai. Saya percaya apabila beliau sudah begitu berani dan sanggup membuat beberapa perubahan, pindaan, adakan corak dan bentuk baru ini, barangkali akan sanggup pula beliau menimbangkan fikiran dan pendapat yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Sungguhpun di masa-masa yang lepas tidak pernah barangkali Menteri Kewangan sanggup hendak mengubah, meminda apa-apa yang telah dicadangkan mahu pun berbagai-bagai hujah dan fikiran dan pendapat yang telah dikemukakan. Kali

ini saya berharap, sekurang-kurangnya pada satu perkara, Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menimbangkan, iaitu soal menaikkan cukai jalan atas motor-cycle. Saya rasa sudah terdapat dalam ucapan-ucapan yang telah dihujah dan dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini daripada dua-dua belah, dari pihak Pembangkang mahu pun pihak Kerajaan daripada semua parti, beberapa Ahli yang sudah membuat rayuan dan permintaan supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan sudi menimbang semula iaitu oleh sebab motor-cycle ini boleh dianggap pada hari ini sebagai satu kenderaan yang sudah menjadi perlu dan sudah mesti. Boleh dikatakan bermilion orang yang berpendapatan rendah yang bekerja sebagai peon, sebagai messenger, sebagai kuli dan sebagai buruh kasar pun semua bergantung kepada motor-cycle sebagai kenderaan yang mesti dipakai.

Ini barangkali membayangkan kedudukan dan keadaan kemewahan negara kita umumnya. Kalau dibandingkan dengan negeri-negeri jiran kita tak dapat di mana-mana negeri seluruh rantau ini yang begitu ramai, begitu banyak orang yang mampu yang boleh duduk atas motosikal, yang mampu membeli motosikal dan menjalankan motosikal.

Suka saya menyebutkan juga pada permulaan tahun ini saya berpeluang pergi ke negeri China, negeri China yang setengah-setengah orang agongkan yang bermacam-macam kemajuannya. Yang sangat menarik perhatian saya ialah sungguhpun ada berjuta-juta, beribu-beribu basikal, motosikal ini tidak nampak langsung. Pendek kata negara kita Malaysia ini boleh dikatakan satu negeri di Benua Asia ini boleh jadi di dalam kawasan dunia yang ketiga samada Afrika atau Latin Amerika, pendeknya di dalam golongan negeri-negeri yang membangun, Malaysia boleh dikatakan negeri yang ulung, yang pertama, yang utama, yang besar sekali berkemajuan sehingga dapat pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah pun boleh membeli motosikal dan boleh naik motosikal dan boleh simpan motorsikal. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan akan sudi menimbangkan dan bukan kerana saya percaya orang-orang yang sedia bermotosikal itu berhenti memakainya, kita barangkali terus akan melihat orang-orang ini terus mampu menggunakan motosikal ini, akan tetapi demi kemegahan, satu pride, satu

perasaan bangga bahawa bangsa dan negara kita, keadaan kita, dengan motosikal ini menjadi satu lambang, satu tanda kepada dunia tentang kelebihan, kemewahan, kemakmuran negeri ini, supaya difikir semula dan tarik balik kenaikan cukai yang dikenakan kepada motosikal ini. Ini satu perkara sahaja yang saya nampak terpaksa saya membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri dan selain daripada ini, saya menyokong sepenuhnya cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, negeri kita, negara kita menghadapi beberapa cabaran. Kita menghadapi beberapa masalah. Dalam keadaan ini kita dapati pada tiap-tiap hari macam-macam khabar angin desas-desus, cerita itu, cerita ini. Keadaan ini diburuk-burukkan pula dengan peluang yang diperolehi oleh pihak Pembangkang, Yang Berhormat Ahli-ahli daripada pihak Pembangkang telah mengambil peluang untuk membangkitkan perkara-perkara yang menjadi bahan khabar angin ataupun surat-surat layang yang beracun, yang mengandungi berita dan cerita-cerita yang karut-karut yang merunsingkan dan membimbangkan dan mengacau perasaan orang ramai. Keadaan ini, saya berpendapat patut kita menghadapi dengan tegasnya. Kita patut, dan hendaklah pegang dengan betul-betul, hadap dia dengan betul-betul. Betul atau tidak ada krisis pada hari ini. Kata orang, ada krisis politik, ada krisis ekonomi, ada krisis kesetabilan, keselamatan, perpaduan dan sebagainya. Saya rasa kita mesti memandang keadaan secara realistik, secara betul-betul apa yang ada. Tak dapat dinafikan bahawa beberapa kejadian baharu-baharu ini menimbulkan tandatanya—speculations, questions, doubts. Saya rasa dalam keadaan semacam ini perkara yang amat penting ialah facts, truth, cerita yang benar bukan cerita yang karut. Rakyat jelata berhak tahu, have a right to know, have a right to information, apa sebab sesuatu terjadi, apa sebab sesuatu tindakan dijalankan, apa yang sebenarnya, apa yang sebetulnya telah terjadi. Itu lebih baik daripada dibiarkan untuk dia imagine, berangan-angan, berfikir secara terbayang-bayang. Di dalam suasana ini, saya rasa suratkhbar dan lain-lain saluran penerangan (mass media) berkewajipan penting untuk melapurkan dan juga untuk menerangkan segala suasana dan kejadian yang berlaku di sekeliling kita.

Dalam keadaan ini, saya rasa keutuhan, kebebasan persuratkhabaran (freedom of the press) sangatlah penting. Jikalau dibandingkan dengan negara-negara lain, saya mengakui barangkali suratkhbar di negeri kita ini lebih bebas daripada yang terdapat di lain-lain negeri yang ada. Akan tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa kebebasan suratkhbar kita pada hari ini terbatas. Terbatas oleh kerana orang suratkhbar sendiri takut barangkali tidak mahu tulis, tidak mahu karang, tidak mahu lapurkan apa yang patut dilapurkan. Ataupun barangkali boleh jadi adanya peraturan atau undang-undang seperti sistem melesenkan suratkhbar yang dibaharui (renew) tiap-tiap tahun itu yang menakutkan suratkhbar, kalau-kalau berani sangat, habis tak dapat dikeluarkan, rugi dan sebagainya. Oleh sebab itu, di sini saya akan ulang sekali lagi. Selama saya berada di dalam Dewan ini, setiap tahun dan setiap kali ada peluang saya telah merayu dan telah minta, hari ini saya merayu, saya meminta sekali lagi supaya Kerajaan dan pihak yang berkuasa akan sudi menimbangkan supaya membatalkan peraturan mengadakan pelesenan yang dibaharui tiap-tiap tahun ini, kerana ini mengikat dan membataskan kemerdekaan yang kita memerlukan dan yang kita mahukan. Saya rasa sekiranya undang-undang pelesenan yang dibaharui tiap-tiap tahun ini diketepikan, kita boleh mengawal keadaan dengan mengadakan undang-undang yang boleh membawa sesiapa yang membuat salah di bawah undang-undang Percetakan, di bawah undang-undang persuratkhabaran, di bawah undang-undang libel, sedition dan sebagainya, diadu, dibicara, didenda dan dihukum mengikut undang-undang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

Selain dari itu pihak suratkhbar sendiri sudah beberapa kali berunding, berpakat, bermesyuarat dengan syor dan rancangan supaya di bawah naungan Kerajaan sendiri dibentuk satu majlis, satu council suratkhbar. Satu press council yang boleh ada dan satu cara di mana orang suratkhbar sendiri, tuan punya, pengarang dan sebagainya sesama sendiri di bawah naungan dan pimpinan pihak yang berkuasa Kerajaan yang berkait dengan penerangan dan suratkhbar, adakan cara-cara bagaimana surat-suratkhbar boleh disiplin diri mereka

sendiri memandangkan perkara-perkara yang penting tentang keselamatan negara, kepentingan berkenaan dengan masyarakat dan sebagainya. Dengan sendirinya menahan diri dari melakukan atau melapurkan perkara yang dibangkitkan perkara yang tak diinginkan dan sebagainya. Ini saya suka tegaskan di sini, kerana saya rasa kalau suratkhbar berani menegur dan menegur dengan secara constructive akan mendatangkan faedah kepada negara kita seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil peluang pada hari ini menyebutkan tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang, misalnya, soal korupsi. Soal korupsi ditarik, diheret ke sana sini, nama orang itu, nama orang ini, pejabat itu, pejabat ini dan sebagainya, akan tetapi saya ingat kalau kita perhati betul-betul terang dan nyata bahawa apa yang dilakukan oleh mereka itu semata-mata propaganda, semata-mata satu helah, satu strategi untuk mendapat keuntungan politik. Kerana mereka mahu membangkitkan perasaan orang ramai kurang percaya kepada Kerajaan, kepada pihak yang memerintah, kepada parti-parti yang sekarang ini dapat sokongan daripada orang ramai, dengan cara itu maka barangkali dapat mereka kutip saki baki yang hendak lari, hendak ikut mereka itu. Saya kata begini kerana sudah nyata, Kerajaan kita pada hari ini bersikap tegas berkenaan dengan undang-undang. Bukan sahaja di lapangan soal korupsi sehinggakan soal keselamatan, soal I.S.A. itu pun tidak lagi kira, Kerajaan tidak mengira bulu, keturunan, kedudukan, pangkat. Sudah nyata bukan, kita lihat sendiri, orang yang berpangkat, orang yang bergelar, orang besar, walaupun—ini penting—ada desakan, ada pressure, ada group dan kumpulan yang begitu kuat dan berani yang bersalah, tetapi Kerajaan kita dengan nyata dan terangnya telah menjalankan undang-undang dengan tidak kira apa parti dan tidak kira kedudukan dan pangkat. Sekiranya pihak Pembangkang ada keterangan, mereka tahu di mana patut disampaikan, ada pula tempatnya untuk mengadu. Bawalah ke sana kalau mahu di-siasat dengan senyap-senyap, pergi beritahu, supaya orang-orang yang betul-betul salah itu tidak dapat ditutupkan kesalahannya. Dia tidak boleh lari. Itu kalau mahu betul-betul menghapuskan korupsi. Akan tetapi bila dibawa ke sini, gah bising, orang yang salah

ataupun kononnya salah, jikalau betul dia salah, akan dapat tutup, akan dapat sembunyi, akan dapat lari, akan hilangkan segala keterangan dan dalil. Nyata, terang, apa yang mereka lakukan semata-mata propaganda politik, bukan niat untuk menyelamatkan negeri ini daripada korupsi, bukan dengan niat untuk menahankan orang daripada korupsi, akan tetapi untuk bising, untuk mendatangkan satu suasana yang kurang sihat, yang merugikan negara kita ini. Barangkali mereka tidak sedar bahawa oleh kerana perbuatan merekalah, tiap-tiap hari bila sahaja dapat peluang membangkitkan perasaan orang tidak percaya kepada Kerajaan, tidak percaya kepada parti-parti pemerintah sehingga suasana politik dan ekonomi dalam negeri ini sudah mula digoncangkan oleh mereka. Saya harap mereka akan sedar. Saya harap mereka akan lebih responsible. Saya harap mereka akan bersikap lebih patriotic, fikir betul-betul kesan mereka itu dan tidak lagi menjalankan perbuatan semacam ini yang boleh membangkitkan lack of confidence dalam negeri dan juga di luar negeri tentang keadaan kita di sini, tetapi entahlah samada mereka akan dengar atau akan sambut rayuan dan permintaan saya ini. Juga saya rasa satu perkara yang merbahaya memandang kepada keadaan kita di mana kita mempunyai berbagai bangsa, berbagai keturunan dan memandangkan kepada pentingnya perpaduan negara. Saya juga sangat khuatir dan susah hati bagaimana suasana perpaduan ini disusik-usik dan dirosak-rosakkan oleh pihak yang kurang bertanggungjawab itu juga yang membayangkan Dasar Ekonomi Baru itu sebagai satu dasar yang mendatangkan kezaliman, kurang keadilan dan bermacam-macam.

Saya rasa kita semua sudah bersetuju tentang Dasar Ekonomi Baru. Saya rasa tiap-tiap golongan dalam negeri ini yang betul-betul taat setia mendukung Rukunegara, mahukan perpaduan, mahukan kesetabilan, mahukan keselamatan, ketenteraman dalam negeri ini, bukan sahaja mendukung Dasar Ekonomi Baru ini, akan tetapi berusaha untuk melaksanakannya dengan penuh semangat, dengan penuh sokongan. Dalam perkara ini kita menghadapi beberapa masalah dan saya rasa kita semua patut juga sedar tentang beberapa kekurangan, beberapa kelemahan dalam soal pelaksanaan dan perjalanan Dasar Ekonomi Baru ini. Saya

dapati bahawa sekiranya kita tidak melaksanakan ini dengan penuh semangat dan kepercayaan dan keyakinan bahawa dasar ini bukan berdasarkan perkauman, akan tetapi ada atas landasan nasional, bahawa dasar ini tidak merugikan sebarang golongan, tidak ada satu-satu kaum bangsa dirampas harta bendanya ataupun ditimpa oleh sebarang perbuatan aniaya. Di samping itu mereka yang mendapat pertolongan, peluang dan sebagainya juga patut menggunakan peluang dan kemudahan itu dengan tujuan hendak betul-betul menunaikan tujuan Dasar Ekonomi Baru. Jangan pula nama itu dipinjam kepada tuan, taukeh ataupun pengagajinya, apabila satu saham itu dijual dan sekian bahagiannya diuntukkan untuk bumiputra, nama itu dipakai. Bila saham sudah didapat, terus ditanda namanya atas form penyerahan, atau transfer form itu dengan pembayaran setakat \$10, \$15, \$20 sahaja. Ini saya tahu dan banyak orang tahu sedang berlaku. Selagi ada bumiputra yang mendapat peluang ini merasa puas setakat mendapat \$10-\$15 dengan menjual nama atau meminjamkan nama, kemudian apabila sudah dapat saham itu terus diserahkan kepada orang lain, selama itulah Dasar Ekonomi Baru tidak dapat dilaksanakan.

Satu perkara lagi. Saya fikir elok pihak yang berkuasa membuat satu siasatan mengenai saham-saham yang dikeluarkan kepada bumiputra menerusi saham-saham yang dijual dan didaftarkan di pasaran saham itu, berapa banyakkah yang masih tinggal di tangan bumiputra dan berapa banyak yang sudah hilang dari pegangan mereka. Perkara ini sangat penting untuk memastikan setakat mana ia dapat menunai dan dapat memenuhi peraturan ini. Begitu juga mengenai lain-lain peraturan yang telah diadakan untuk membantu dan membolehkan bumiputra mula bertapak dan berusaha, janganlah ianya digunakan round about away untuk menghilangkan sama sekali tujuan dan maksud asalnya. Kita juga menghadapi masalah bumiputra tidak mempunyai modal. Kita tahu beratus-ratus ribu saham yang ditawarkan kepada bumiputra masih dipegang dan masih diserahkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sehingga hari ini belum dapat diambil.

Saya tahu ada berbagai-bagai cadangan untuk mengumpulkan wang, dan saya suka cadangkan pula iaitu jikalau hendak tunggu hingga bumiputra dapat mengumpulkan

wang itu dengan daya usahanya sendiri sampai 10, 20 atau 100 tahun pun barangkali tidak dapat melainkan kita mencari jalan bukan dengan cara paksa atau suka rela semata-mata akan tetapi secara berdisiplin. Sekiranya tiap-tiap pegawai Kerajaan diberi peluang diajak serta diberi penerangan, dipujuk, sehingga mereka sanggup tiap-tiap bulan dipotong gajinya samada 5% atau 10% supaya wang ini dikumpulkan untuk dijadikan modal yang kita perlukan. Tiap-tiap orang yang makan gaji dikehendaki mengumpul secara sedikit-sedikit dengan tegas serta terikat tiap-tiap bulan sekian banyak daripada gajinya mesti dipotong. Kalau tidak dibuat cara ini saya takut entah sampai bila hendak mendapat modal bagi orang bumiputra mengambil bahagian. Modal ini kalau dikumpul makin lama makin bertimbun, makin banyak. Saya ingat kita mesti betul-betul, kalau mahu menjalankan Dasar Ekonomi Baru ini, cari jalan bagi melaksanakannya.

Saya juga ingin menyebut tentang peluang dan latihan serta persediaan yang masih banyak lagi di tempat-tempat di mana peluang-peluang belum dibuka. Persediaan tidak dapat dibuat oleh bumiputra untuk menyediakan diri mengambil bahagian di lapangan perindustrian, perniagaan dan sebagainya. Saya percaya jalannya bukan dengan cara membuat undang-undang, bukan secara paksa. Kita patut jalankan ini secara suka rela. Saya harap pihak yang boleh menyumbang dengan secara suka rela (voluntary) tidak payah dipaksa membukakan peluang mengambil kesempatan dan opportunity untuk orang-orang ini berlatih, bersedia dan sebagainya. Selagi Dasar Ekonomi Baru ini tidak dapat dilaksanakan (dan masanya makin pendek) maka akan timbul suatu suasana yang barangkali akan meletup dan mengubah sama sekali keadaan yang terdapat pada hari ini. Kita tidak ingin ini berlaku sebab kita hendak mengelakkan perkara ini. Saya percaya Kerajaan dan parti kita mahu mengelakkan ini dan kita beri jalan menerusi Dasar Ekonomi Baru untuk mencari satu cara bagi mendatangkan keadilan sosial, mengadakan pembahagian secara saksama, bagi keadaan sosial atau masyarakat di mana semua umat dalam negeri ini bersatu padu tanpa sebarang perceraian ataupun pembahagian ekonomi secara perkauman yang selari.

Sistem ekonomi kita yang kita dokong hari ini ialah satu sistem yang memberi kebebasan yang amat luas dan memberi peluang yang sangat baik kepada semua yang hendak berusaha untuk mencari keuntungan. Sistem kita ini mengiktiraf profit motive dan mengiktiraf bahawa kalau sesuatu perniagaan itu hendak dijalankan dengan sempurna tentulah pihak yang hendak menanam modal dan mengusahakannya akan mendapat pembalasan sebagai satu keuntungan yang sewajarnya. Sambil itu kita juga menjalankan usaha-usaha yang bertanggung dan diurus serta dikawal oleh Kerajaan sendiri di lapangan-lapangan mana kepentingan negara atau masyarakat menjadi perkara utama dan juga soal keuntungan tidak dapat dijadikan perkara utama. Sekiranya orang-orang yang hendak mendapat untung tidak mendapatnya, maka terpaksa Kerajaan menanggung dan menjalankannya. Saya fikir sistem ekonomi semacam ini baik dan sangat sesuai dan saya rasa kita semua mahu melanjutkan peraturan semacam ini. Akan tetapi kalau sekiranya peraturan semacam ini tidak dapat melahirkan perasaan puas hati pada semua golongan barangkali susah kita hendak menahan perasaan orang-orang yang tidak ada, orang-orang yang tertindas, miskin dan juga orang yang dari bawah memandang orang yang di atas sahaja menikmati kemewahan dan kesenangannya, sedangkan mereka itu tidak cukup makan, tidak cukup pakai, tidak ada kerja, tidak ada rumahtangga dan sebagainya. Suasana semacam itu barangkali tidak sesuai dengan konsep Rukunegara juga dasar negara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang hari ini untuk membangkitkan semula soal kedudukan orang Melayu Pulau Pinang. Perkara ini barangkali sudah diulang beberapa kali, akan tetapi beberapa kali diulang sekalipun kepada kami yang sangat susah hati berkenaan dengan keadaan ini tidak merasa jemu. Setiap kali kita bangkitkan dan membincangkan perkara ini, barangkali timbul faktor-faktor baru, ilham-ilham baru atau pendapat-pendapat baru. Saya faham bahawa pihak Kerajaan Pusat oleh kerana ada rayuan-rayuan telah mengadakan satu Badan Petugas Khas untuk menyiasat keadaan ini.

Saya juga tahu bahawa satu laporan telah disediakan tetapi malangnya sehingga hari ini kami dari Pulau Pinang termasuk juga

golongan pemimpin parti dan sebagainya belum mendapat peluang pun melihat walaupun beberapa bulan sudah berlalu, sudah lepas, apakah yang dijalankan, apakah perkara yang dilaporkan. Saya harap janganlah lapuran ini tinggal begitu sahaja atau disimpan sampai lapuk. Seberapa awal, seberapa cepat kami harap lapuran ini dapat diedarkan ataupun dapat dilihat oleh orang Melayu Pulau Pinang supaya dapat menegur ataupun dapat menyoalkan apa-apa yang terkandung dalam laporannya samada tepat atau tidak ataupun bercanggah dengan pendapat kami.

Satu perkara lagi berkenaan soal ini ialah lebih ramai barangkali daripada kami dari Pulau Pinang mulai berkesedaran tentang reality, tentang hakikat politik dan Perlembagaan mahupun banyak oleh kerana persaan mengusulkan bermacam-macam fikiran yang mahu ubahkan Perlembagaan, mahu hak istimewa, mahu Timbalan Ketua Menteri, mahu macam-macam, akan tetapi oleh sebab sudah demikian lama kita memperhatikan keadaan ini terpaksa kita menerima keadaan political and constitutional reality bahawa Perlembagaan Pulau Pinang yang ada pada hari ini tidak memberi perlindungan samada istimewa atau tidak kepada bumiputra. Bumiputra Pulau Pinang ganjil, tidak sama seperti bumiputra di negeri Melayu lain. Negeri Pulau Pinang tidak beraja. Negeri Melayu lain ada beraja. Rajaraja Melayu di negeri-negeri lain ada kedudukan khas untuk menjaga kepentingan dan keistimewaan orang Melayu. Kami tidak mempunyai raja yang ada kewajipan untuk menjaga kepentingan dan keistimewaan orang Melayu. Di lain-lain negeri Melayu ada tanah-tanah simpanan untuk orang Melayu supaya seburuk-buruknya mereka tidak akan lari ke hutan akan tetapi di Pulau Pinang tidak ada peruntukan Malay Reservation ataupun tanah simpanan. Pendeknya orang Melayu Pulau Pinang sama setaraf dengan orang lain di Pulau Pinang. Ini satu political and constitutional reality. Kita mesti menghadapinya. Kedua, political dan historical reality. Orang Melayu di Pulau Pinang hanya 30% dari penduduk Pulau Pinang, yakni orang Melayu Pulau Pinang ialah minority di negeri itu. Tidak dapat dinafikan. Mesti dihadapi, mesti diterima. Ini ialah political reality.

Pada masa Perikatan memerintah, pada masa kedudukan UMNO begitu kuat dan Pulau Pinang boleh dikatakan punca pulada UMNO dalam negeri ini. Pulau Pinang pernah menjadi Ibu Pejabat UMNO pada permulaannya, orang Melayu Pulau Pinang pernah menjadi pemimpin yang pertama dalam pergerakan kebebasan kemerdekaan UMNO. UMNO Pulau Pinang pernah mempunyai 12 daripada 24 orang Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Di waktu itu M.C.A. hanya ada cuma 6 orang dan lain-lain parti lagi memenuhi lagi 6 kerusi yang lain itu. Dalam kedudukan di mana orang-orang Melayu, orang-orang UMNO sudah mempunyai clear-cut majority, 12 orang daripada 24 Ahli dalam Majlis Undangan Negeri Pulau Pinang itupun kami tunduk, taat, terima perintah dari pucuk pimpinan kebangsaan. Oleh sebab orang Melayu Pulau Pinang cuma 30% dan orang China lebih, mestilah orang China juga jadi Ketua Menteri. Kami telah terima, tunduk. Jadi di dalam keadaan di mana UMNO mempunyai sekurang-kurangnya separuh dan M.C.A. cuma 6 orang itupun. UMNO telah taat kepada pucuk pimpinan. Orang M.C.A. juga diterima menjadi Ketua Menteri. Ini ialah historical reality.

Soal yang dibangkitkan sekarang ialah tuntutan bukan untuk tempat Ketua Menteri, Kedudukan Timbalan Ketua Menteri pun jadilah. Kawan-kawan saya di Pulau Pinang marah bila tuntutan ini pun tidak dilayan, sebab pada mereka apa salahnya kalau dibandingkan dengan Gerakan dan kedudukan Gerakan dengan UMNO, UMNO ialah parti yang kedua dalam majlis undangan negeri Pulau Pinang. Tetapi saya sendiri pernah kata susah. Masalah kita itu tidak dapat diputus dan tidak dapat diatasi hanya dengan mengadakan seorang Melayu, seorang UMNO menjadi Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang. Sebab masalah ini tidak dapat diatasi ialah sebab keadaan sekarang—political, historical and constitutional reality. Lagi satu reality saya insaf dan sedar; banyak orang marah kepada Dr Lim Chong Eu, marah kepada Ketua Menteri . . .

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat jangan sebut nama Ahli itu.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya minta maaf, saya tidak sebut dia sebagai ahli di sini, tetapi di sana, di Pulau Pinang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak mengapalah.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Mereka marah Ketua Menteri dan sebagainya, tetapi pada saya sendiri sungguhpun saya pada suatu masa marah juga, tetapi bila sudah diperhati betul-betul, sekiranya saya sendiri menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang, barangkali saya sendiri tidak dapat mengatasi soal ini, tambahan pula kawasan saya yang juga menjadi Ketua Menteri. Nampaknya terang sekarang bukan secara konfrantasi, bukan secara kita mencari salah kepada Ketua Menteri, kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang tidak dapat mengatasi kedudukan Melayu Pulau Pinang. Sebaliknya, barangkali kita terpaksa kerjasama dengan Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sedar bahawa masalah Melayu Pulau Pinang tidak dapat diatasi dalam Pulau Pinang dan masalah Melayu Pulau Pinang tidak dapat diatasi oleh Ketua Menteri Pulau Pinang dan masalah Melayu Pulau Pinang tidak dapat diatasi oleh Kerajaan Pulau Pinang. Ini satu reality, satu kesedaran yang saya suka kemukakan di Dewan yang mulia ini dan jalannya tidak ada lain, melainkan Kerajaan Pusatlah, Kerajaan Federallah yang bertanggungjawab sebagaimana juga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menjadi Raja kami, sebagaimana juga Hal Ehwal Ugama Islam di lain-lain negeri yang ada Raja diurus oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri masing-masing.

Pada kami, Ketua Ugama kami ialah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Begitu juga nasib orang Melayu Pulau Pinang—ada di sini—ada di tangan pemimpin Kerajaan Persekutuan dan saya berharap Kerajaan Persekutuan tidak akan membiarkan keadaan orang Melayu Pulau Pinang.

6.00 ptg.

Tuan Liben anak Kato (Betong): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang bersama-sama dengan lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29-10-76 yang lalu. Saya bangun menyokong dan mengucapkan tahniah kerana apa yang saya perhatikan di dalam Belanjawan yang telah

disediakan bagi tahun 1977 adalah cukup memuaskan hati orang ramai di seluruh negara kita. Oleh yang demikian, harapan saya iaitu projek-projek yang akan dilaksanakan dalam tahun 1977 nanti dapat dilaksanakan dengan seadil-adilnya.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyentuh berkenaan dengan jalanraya di Sarawak khasnya di Betong iaitu jalanraya dari daerah Betong ke Nanga Tiga dan membaiki jalanraya dari daerah Betong ke Lidong 11 $\frac{3}{4}$ batu jauhnya. Orang yang diam jauh dari bandar terpaksa berjalan kaki kerana jalanraya memang belum ada dibuat. Di daerah Betong iaitu kawasan pilihanraya saya mempunyai population lebih kurang 30,000 orang. Penduduk-penduduk di situ apabila hendak turun ke pekan mereka terpaksa sehari atau dua hari berjalan kaki kerana belum ada jalanraya yang dibina termasuk ke kampung tersebut. Tuan Yang di-Pertua, barangkali 20% penduduk yang diam di tempat itu tiada dapat pergi ke pekan Betong kerana sangat jauh dan sukar bagi perhubungan. Penduduk-penduduk yang jauh di luar bandar seperti yang saya sebut itu belum lagi menerima nikmat kemerdekaan negara kita. Sebenarnya, kebanyakan di antara mereka tidak pernah melihat ibu negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dari itu saya berharap supaya Kerajaan Pusat dapat memberi lebih lagi bantuan wang untuk melaksanakan jalanraya-jalanraya di tempat yang jauh begitu supaya rakyat luar bandar dapat melihat keadaan di bandar supaya mereka tidak sebagai orang diam di hutan atau dianggap sebagai orang hutan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian Kesihatan berkenaan dengan District Hospital, Betong. Pada masa sekarang cuma ada Health Sub-centre dan cuma satu Junior Hospital Assistant dan satu Junior Laboratory Assistant. Apabila ada pesakit-pesakit seperti pneumonia, simple fracture dan sebagainya mesti dihantar ke Simanggang Hospital yang jauhnya lebih dari 50 batu. Jadi pesakit itu terpaksa belanja besar. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya memberi peruntukan untuk mendirikan sebuah District Hospital yang boleh menempatkan

pesakit-pesakit di daerah tersebut dan menempatkan doktor atau Chief Hospital Assistant yang tetap bertugas di daerah Betong.

Tuan Yang di-Pertua, itulah rayuan saya di dalam Dewan yang mulia ini mudah-mudahan Kerajaan Pusat mengambil perhatian berat supaya dapat dikekalkan perpaduan dan supaya projek-projek diberi ke negeri Sarawak dapat dilaksanakan dengan sewajar-wajarnya.

Dengan ini, saya menyokong sepenuhnya atas Belanjawan Tahun 1977.

6.05 ptg.

Tuan Richard Dampeng anak Laki (Serian): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbincangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1977 seperti yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua sedia maklum bahawa tidak seorang pun di antara Ahli-ahli Dewan ini dan juga rakyat di seluruh negara kita tidak berasa gembira dan senang hati apabila mendengar ucapan Y.B. Menteri Kewangan dan memahami tujuan seperti yang diperkatakan dalam ucapan tersebut, tetapi ada empat perkara yang hendak saya bangkitkan untuk pengetahuan dan perhatian di dalam Dewan ini dan Menteri Kewangan sendiri.

Perkara pertama, iaitu tentang peruntukan bagi sekolah-sekolah, lebih-lebih lagi berkenaan dengan sekolah-sekolah di luar bandar. Beberapa tahun yang lalu peruntukan bagi sekolah-sekolah di luar bandar telahpun ada disediakan peruntukannya untuk perbelanjaan sekolah-sekolah tersebut, tetapi hingga masa sekarang ini kebanyakan sekolah-sekolah di luar bandar hanya dibina daripada jenis-jenis kayu yang kurang baik dan tidak begitu memuaskan.

Kebanyakan sekolah-sekolah di luar bandar mempunyai 6 kelas iaitu dari darjah I hingga ke darjah VI, tetapi sebaliknya guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah itu tidak mencukupi. Kebanyakan sekolah didapati hanya mempunyai 3 orang guru sahaja yang bertugas untuk mengajar bagi Darjah I hingga Darjah VI tetapi hingga sekarang ini saya tidak dapat memberi butir-butir yang teliti. Kebanyakan sekolah-sekolah tersebut,

guru-guru yang mengajar tidak memiliki pelajaran dan kelulusan yang tinggi, hanya kebanyakan di antara mereka berkelulusan Tingkatan IV, V atau Tingkatan VI sahaja yang hanya mendapat 1 atau 2 tahun latihan guru, tetapi menurut pendapat saya bahawa pelajaran mereka itu masih rendah. Oleh hal yang demikian, saya mengesyorkan kepada Menteri Kewangan supaya menyediakan peruntukan dan juga peraturan supaya guru-guru lama itu diberi latihan yang lebih baik lagi dan mendapatkan diploma yang lebih tinggi agar mereka boleh naik dari satu sekil (scale) ke satu sekil. Suka juga saya mengesyorkan supaya kemudahan-kemudahan di sekolah (school facilities) tersebut diperbaiki lagi supaya jangan ketinggalan jauh perbezaan di antara sekolah-sekolah di luar bandar dengan sekolah-sekolah di kota. Kita juga sama-sama mengetahui bahawa peperiksaan bagi Darjah VI telah dibatalkan, seharusnya kita semua merasa gembira supaya semua anak-anak di luar bandar boleh mendapat pelajaran yang lebih tinggi lagi. Tetapi mereka masih belum faham masaalah yang besar di masa akan datang iaitu kebanyakan di antara murid-murid yang lepas dari sekolah Tingkatan I hingga Tingkatan III masih ada yang tidak pandai membaca. Oleh sebab itu, pelajaran di tiap-tiap sekolah perlu diteliti dan diperbaiki lagi lebih-lebih lagi di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, berkaitan dengan tanah, lebih-lebih lagi di negeri Sarawak. Kita semua mengetahui bahawa Negeri Sarawak adalah negeri yang luas sekali di Malaysia iaitu seluas kira-kira 48,000 batu persegi dan penduduknya lebih kurang satu juta orang. Sungguhpun negerinya luas tetapi apa yang saya dapati kebanyakan rakyat semua kaum yang tinggal di Sarawak tidak ada mempunyai tanah walau seinci pun. Tetapi dari apa yang diketahui bahawa ada juga peluang kemudahan pembahagian tanah itu dibuat melalui Lembaga Kemajuan Tanah, tetapi cara-cara pembagiannya bertentangan sekali yang mana Lembaga tersebut bukan memberi orang-orang yang tidak ada memiliki tanah, sebaliknya memberi orang-orang yang sudah ada memiliki tanah. Jikalau Kerajaan hendak mengambil tanah dari pemiliknya yang mana tanah itu untuk tujuan kemajuan di tempat itu, maka harga yang dibayar kepada pemilik tanah itu sangat-sangat tidak memuaskan hati. Terdapat beberapa tempat di

Negeri Sarawak, umpamanya, Sekuau, dan kawasan Semanggang, tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan hanya dibayar dengan harga \$8 hingga \$80 seekar kepada pemilik tanah tersebut. Sekiranya si pemilik tanah itu meminta lebih dari itu, maka mereka akan dianggap sebagai radikal dan pertolongan kemudahan dari Kerajaan pun tidak akan diberi. Pada fikiran saya ini adalah merupakan satu diskriminasi untuk orang-orang kampung dan terutama sekali bagi mereka yang miskin. Jikalau Kerajaan hendak mengambil tanah dalam kawasan bandar, kiranya si pemilik tanah itu meminta harga yang terlampau tinggi pun Kerajaan tiada membantah untuk menerima permintaan itu. Selain dari itu, dari semua yang diperkatakan berkaitan dengan tanah, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya tiap-tiap rakyat di negeri kita lebih-lebih lagi di Negeri Sarawak mestilah diberi tanah sekurang-kurangnya 10 ekar untuk satu keluarga (sekeluarga yang dimaksudkan ialah suami-isteri dan anak-anak yang belum berkahwin).

Perkara yang ketiga ialah berkenaan dengan membina jalanraya. Perkara ini bukan sahaja dibangkitkan dalam Dewan ini pada masa sekarang bahkan tiap-tiap kali Dewan bersidang perkara ini telah ada ditimbulkan. Tetapi hingga sekarang Kerajaan yang bertujuan untuk membina jalanraya masih belum berjalan dengan memuaskan lagi. Oleh sebab itu, menurut fikiran saya peruntukan bagi membina jalanraya di kawasan bandar hendaklah ditangguhkan dahulu buat masa sekarang ini tetapi sebaliknya pembinaan jalanraya di luarbandar hendaklah diberi perhatian utama (first priority). Umpamanya, kawasan saya sendiri yang mempunyai 150 buah kampung dan penduduknya lebih dari 30,000 orang, kesulitan pengangkutan dan perhubungan adalah merupakan masalah yang besar sekali. Kebanyakan orang-orang kampung itu jikalau hendak menjual hasil-hasil dari usaha kebun mereka ke bandar, maka mereka terpaksa berjalan kaki 3 atau 4 jam untuk sampai ke tempat yang ditujui dengan memikul 50 hingga 80 kati barang-barang yang dibawa untuk dijual. Hasil dari barang-barang jualan itu paling banyak didapati ialah \$4 atau \$5 yang mana dari wang ini terpaksa untuk dibelanja untuk makan tengahari \$1.20 dan bakinya hanya dapat membeli segantang beras, sedikit garam dan

sedikit ikan-ikan busuk. Sekiranya jalanraya dibina maka bolehlah mereka membawa barang-barang yang lebih banyak lagi untuk dijual supaya pendapatan mereka bertambah. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi sekali lagi supaya Kerajaan membina jalanraya yang mana merupakan perhubungan yang sangat penting, lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan luarbandar di Negeri Sarawak.

Akhir sekali ialah Operation Empuru. Tujuan Kerajaan membuat Operation Empuru ini memanglah baik. Saya ucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Kerajaan yang telah memberi peruntukan sangat besar untuk menjalankan operasi seperti ini. Tetapi pada fikiran saya bahawa pekerjaan sebegini adalah menimbulkan masalah yang besar. Oleh sebab mereka yang mengambil bahagian dalam operasi ini tidak cukup keterangan dari Kerajaan apakah tujuan terhadap kehidupan mereka pada masa akan datang, dan dalam operasi ini pada masa sekarang tidak ada pekerjaan yang membolehkan mereka berdiri atas kaki sendiri, kerana dalam operasi ini mempunyai banyak masalah. Masalah-masalah yang besar sekali ialah berkenaan dengan penduduk-penduduk yang mengambil bahagian tidak dapat mencari pekerjaan lain untuk kehidupan mereka sendiri. Oleh yang demikian Kerajaan mestilah memberi peruntukan yang lebih besar. Saya hendak bertanya kepada Kerajaan, berapa lama lagi Kerajaan boleh memberi peruntukan besar sebegini untuk menempatkan beribu-ribu manusia yang bekerja begini dan saya fikir harus mereka tidak akan dapat berdiri atas kaki sendiri pada masa akan datang. Oleh itu, saya syorkan kepada Kerajaan supaya peraturan yang lebih licin lagi boleh diadakan supaya mereka yang mengambil bahagian dalam skim itu mempunyai harapan yang besar pada masa akan datang.

Suka juga saya sentuh berkenaan dengan cukai rokok. Rokok adalah satu barang yang dinikmati oleh orang luarbandar. Dengan cukai rokok ini dinaikkan saya berpendapat barang ini dinafikan bilangan orang yang menghisap rokok. Sejumlah besar adalah orang-orang berpendapatan rendah dan oleh itu tidaklah wajar dinaikkan cukai ke atas rokok kerana bukan orang kaya membayarnya.

6.20 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut serta memberikan sokongan dengan sepenuhnya dalam perbincangan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29hb Oktober yang lalu. Pada pandangan saya, Belanjawan yang telah dibentangkan adalah dianggap sesuai dan boleh dikatakan penerimaan selera bagi rakyat dan tidak membebankan pada keseluruhannya kepada rakyat. Sepintas lalu khususnya menggambarkan kemampuan pihak Kerajaan membelanjakan wang mengikut kadar-kadar sepatutnya khusus dalam bidang pembangunan dan pelaksanaan perkembangan ekonomi negara. Memandangkan kepada kenaikan-kenaikan cukai pada tahun ini jika dibandingkan pada tahun-tahun yang lalu dapatlah disebut sebagai menolong ataupun membantu pelaksanaan rancangan pembangunan dan melaksanakan cita-cita Dasar Ekonomi Baru pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berhubung dengan perkara peruntukan dalam Belanjawan yang telah diberikan kepada negeri Melaka iaitu lebih kurang sebanyak \$53 juta. Ini telah diuntukkan bagi mengikut Belanjawan yang telah dikemukakan. Kalau dipandang sekali lalu, peruntukan sebanyak itu adalah besar bunyinya, akan tetapi bila dibandingkan dengan kepesatan dan kemahuan pembangunan bagi negeri Melaka sendiri dan rakyat seterusnya penduduk-penduduk di dalam negeri Melaka, ini boleh dikatakan adalah sebilangan kecil ataupun terlalu kecil peruntukannya. Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan dengan penduduk-penduduk yang sedia ada di dalam negeri Melaka sendiri iaitu hampir setengah juta orang lebih dikira pada pukul rata hanya pada setahun tiap-tiap seorang penduduk di dalam negeri Melaka mendapat peruntukan \$100 pada setahun. Jadi, kalau dikira bulanan, tiap-tiap sebulan kurang pula \$10 pada seorang. Ini saya fikir tidaklah sesuai dalam ertikata Kerajaan kita hendak memberikan pendapatan rakyat pukul rata pada tiap-tiap bulan satu kelamin dari segi pembangunan dan ekonomi tidak kurang daripada \$300. Kerajaan memberi peruntukan pembangunan yang saya sebutkan tadi pukul rata hanya kurang \$10 pada sebulan pada tiap-tiap seorang penduduk ataupun rakyat. Ini saya fikir perlulah bagi

Kerajaan menimbangkan semula dan membuat kajian dengan secara mendalam supaya apa yang dikatakan oleh Kerajaan tidak ditimbang balas oleh rakyat di negara kita sendiri. Seperti kita perpatih Melayu: "Bapa ketam suruh anak ketam berjalan betul, tetapi bapa ketam sendiri berjalan tidak betul". Pembahagiannya tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau kita kaji pula rakyat telah memberikan pengurbanan kepada Kerajaan itu sendiri terutama membayar cukai pendapatan—walaupun baharu-baharu ini dengan ikhsan dan jasa baik Yang Berhormat Menteri Kewangan kita ada memberi kelonggaran sedikit, tetapi rakyat telah membayar cukai pendapatan, cukai tanah, cukai makanan, cukai kain baju dan sebagainya dengan tidak secara langsung rakyat telah menghulurkan bantuan kepada Kerajaan. Jadi, dengan adanya peruntukan yang diberi, kemudian disuruh rakyat membangun, saya fikir bagi Kerajaan dan kita semua yang bertanggungjawab di dalam negara kita ini yang ingin menerima dan melaksanakan kehendak daripada Kerajaan dan seperti kata orang tua-tua: 'nafsu kuat, tenaga kurang' (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan kata orang tua-tua; orang muda yang berkata (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Muda atau tua itu sama, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Kerajaan Pusat akan menimbangkan dengan sebaik-baiknya peruntukan yang telah diberikan pada tahun 1977 dalam Belanjawan ini supaya ditambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan pula antara Melaka dengan Pulau Pinang, saya rasa kecil sedikit Pulau Pinang, tetapi peruntukan Negeri Pulau Pinang adalah sekali ganda lebih daripada negeri Melaka. Ini yang dikatakan kurang betul sedikit. Itu cuma sedikit sahaja saya berikan bandingan. Perbandingan ini adalah tepat sebagaimana saya telah terima penerangan daripada Kementerian Kewangan sendiri pada hari Isnin yang lalu, bezanya jauh sangat, antara bumi dengan langit.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh merayu kepada Kerajaan hendaknya supaya pelaksanaan pembangunan ini jika sekiranya rakyat negeri-negeri lain mendapat peruntukan dengan agak lebih sedikit, saya

berharap juga rakyat Melaka ataupun rakyat yang setengah juta orang itu dapat menerima rahmat dan nikmat bersama-sama dengan negeri-negeri lain supaya jangan dibezakan dan dibanding-bandingkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh dalam masaalah pertahanan. Saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pertahanan kita yang telah benar-benar sanggup dan bertanggungjawab, ingin mengawal dan menjaga keselamatan di dalam negeri kita samada dari dalam mahu pun dari luar, lebih-lebih lagi Pasukan Keselamatan dan Pertahanan kita yang telah berjaya meng-

hapuskan atau menumpaskan anasir-anasir gerakan komunis yang datang daripada luar negeri ataupun perbatasan di negeri kita ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak sambung lagi esok?

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Ya, saya hendak sambung lagi esok.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan pada pukul 2.30 petang hari esok, Khamis, 11hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.